## Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri

MS 2, 3 & 15



## Lesen, khemah untuk penjaja

MS 9 & 14



PERCUMA

# buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 JULAI, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Di mana baki 30 projek TP1M, 16,569 unit PR1MA?

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**DATUK KERAMAT -** Jagdeep Singh Deo mendesak Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang supaya mengemukakan butiran berwajib kononnya Kerajaan Pusat dalam tempoh tahun 2012 hingga 2017 telah membelanjakan RM24.5 juta peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) untuk 59 projek penyelenggaraan rumah kos rendah (RKR) dan sederhana rendah (KSR) di Pulau Pinang.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan itu berkata, setakat ini Kerajaan Persekutuan hanya meluluskan 29 projek TP1M bernilai RM20.73 juta sahaja untuk Pulau Pinang.

"Saya ingin tahu di mana 30 lagi projek (TP1M) yang diluluskan untuk negeri ini, dan saya juga akan meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk meminta butiran (30) projek ini," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Jagdeep mengumumkan Kerajaan Pakatan Harapan Negeri melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) meluluskan sejumlah RM144,000 untuk menaik taraf empat lif kediaman pangsa Kota Emas Off Jalan Perak di sini.

"Melalui TPM80PP ini, Kerajaan Negeri membiayai 60 peratus daripada jumlah tersebut, manakala penduduk pula menyumbang baki 40 peratus lagi kos yang berjumlah RM96,000.

"Projek penarafan lif ke 22 tingkat (rumah pangsa) Kota Emas yang terdiri daripada 354 unit (kediaman) dan kira-kira 1,800 penduduk ini dijangka siap pada bulan Oktober (2017)," jelasnya.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan risalah rasmi Pejabat Pembangunan Persekutuan Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Lalu, Jagdeep menyerahkan surat kelulusan peruntukan TPM80PP berwajib kepada pengerusi persatuan penduduk, Teoh Chee Aik dan timbalannya, Tee Kom Yeong.

Sehingga kini, direkodkan, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang meluluskan lebih RM3.8 juta peruntukan TPM80PP untuk kerja-kerja penyelenggaraan RKR dan KSR, termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang terus diabaikan oleh Kerajaan Pusat di negeri ini.

Dalam perkembangan berkaitan, **Jagdeep sekali lagi mencabar Umno Pulau Pinang supaya mengemukakan bukti berhubung Kerajaan Persekutuan melalui projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) sejak tahun 2008 hingga 2017 telahpun membina sejumlah 16,569 unit kediaman kos rendah dan sederhana rendah di negeri ini.**

**Mengulas lanjut, beliau memberitahu, Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang sendiri menyiarkan angka tersebut dalam satu risalah rasmi terbitan agensi persekutuan berkenaan, untuk disebarkan kepada rakyat Pulau Pinang.**

**"Majlis Tindakan Persekutuan (Pulau Pinang) sepatutnya membuktikan kepada rakyat bahawa Kerajaan Persekutuan telahpun membina rumah PR1MA di Pulau Pinang.**

**"Setakat yang kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) tahu, Kerajaan Persekutuan tidak membina walau satu unit kediaman pun di bawah program perumahan PR1MA, dan saya juga mahu mereka (Umno Pulau Pinang) membuktikan angka laporan ini,**" tegas Jagdeep.

### KONONNYA...

| Rumah Mampu Milik Bagi Isi Rumah Berpendapatan Rendah | Kementerian / Agensi | Unit Rumah: Siap | Unit Rumah: Pembinaan | Unit Rumah: Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) | Perbadanan PR1MA Malaysia | - | 16,569 | 16,569 |

### FAKTA SEBENAR:

Sejak penggubalan Akta Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) pada tahun 2012

**Permohonan dikemukakan:**

Batu Feringghi, DTL (26 Ogos 2015)
Tasek Gelugor, SPU (11 Disember 2015)
Bukit Gelugor, DTL (19 Februari 2016)
Balik Pulau, DBD (28 Mac 2016)

**Jumlah: 4 permohonan**

**Permohonan diluluskan:**

Bukit Gelugor, DTL (11 Oktober 2016)
Batu Feringghi, DTL (22 November 2016)

**Jumlah: 2 permohonan**

**Permohonan ditolak:**
Perbadanan PR1MA Malaysia telah mengemukakan hanya satu permohonan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Perlingkungan Semula daripada Zon Pertanian dan Padang Golf kepada Zon Perumahan Am untuk Rumah Mampu Milik menggunakan densiti 60 unit / ekar di atas Lot 199, 200, 304, 332, 348, 362 & 364, Mukim B, Kuala Sungai Pinang, DBD, Pulau Pinang pada 28 Mac 2016.

Pemajuan ini melibatkan penyediaan 6,736 unit rumah berkeluasan 800 hingga 1,000 kaki persegi pada harga **RM190,400 hingga RM390,000** seunit dan 3,168 unit rumah berkeluasan 1,100 hingga 1,200 kaki persegi yang berharga **RM467,500 hingga RM510,000.**

Pemajuan ini juga mengandungi **29 blok** dan mencecah sehingga **27 tingkat**, secara langsung tidak menghiraukan Garis Panduan Perumahan di kawasan Balik Pulau yang mengehadkan ketinggian bangunan kepada 16 tingkat.

**Jumlah Pembinaan:**

**0** unit

**Jumlah:**

**0** unit

**PENJELASAN sebenar mengenai PR1MA.**

**Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun TYT Ke-79.**

# Ke arah negeri bebas rasuah, Kerajaan Negeri gariskan 10 langkah integriti

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



**TUN Dr. Abdul Rahman Abbas menyempurnakan istiadat pemeriksaan perbarisan sebelum bermulanya Majlis Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun TYT Ke-79 di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Seramai 1,481 penerima dianugerahkan darjah-darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan negeri sempena Sambutan Ulang Tahun Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas Ke-79 di sini baru-baru ini.

Daripada senarai tersebut, seorang menerima Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN), Darjah Panglima Pangkuan Negeri (DPPN, 2), Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN, 14), Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN, 17) dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN, 89).

Sebanyak 88 individu menerima Darjah Johan Negeri (DJN), Bintang Cemerlang Negeri (BCN, 46), Pingat Kelakuan Terpuji (PKT, 170), Bintang Jasa Kebaktian (PJK, 483), Pingat Jasa Masyarakat (PJM, 508) dan Pingat Bakti Setia (PBS, 63).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyampaikan ucapannya berkata, dalam menuju ke arah sebuah negeri bebas rasuah, 10 langkah integriti yang dilaksanakan menjadi cermin komitmen Kerajaan Negeri.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri merasa megah bahawa pentadbiran kewangan yang baik setiap tahun menerima pujian dalam Laporan Ketua Audit Negara, malah merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang dipuji oleh *Transparency International* yang menjurus ke arah negeri bebas rasuah.

"Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah menerima pakai 10 langkah integriti yang menjadi komitmen kita untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bebas rasuah.

"Ia adalah...amalan pentadbiran berlandaskan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), menginstitusikan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri, barisan Exco dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta melaksanakan tender terbuka yang kompetitif.

"Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) tidak membenarkan ahli keluarga untuk melibatkan diri dalam kontrak kerajaan atau berurus niaga dengan Kerajaan Negeri.

"Malah, ADUN dan ahli pentadbiran dilarang daripada meluluskan permohonan tanah Kerajaan Negeri, melindungi pemberi maklumat atau peniup wisel tulen, mengambil tindakan ke atas pemimpin yang hidup mewah melebihi pendapatan rasminya, telus dalam sumbangan politik, tidak menerima '*donation*' peribadi dan mengambil tindakan ke atas pegawai yang melanggari semua integriti di atas," ujar Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Langkah-langkah integriti tersebut digariskan beliau pada Majlis Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun TYT Ke-79 di sini.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan isteri; barisan Exco; ADUN-ADUN; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri serta barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain.

Dalam majlis sama, Guan Eng berserta seluruh anggota pentadbiran negeri dan perkhidmatan awam serta rakyat negeri Pulau Pinang akan terus membulatkan ikrar dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Abdul Rahman.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah dan Selamat Hari Jadi ke-79 kepada Abdul Rahman dan mendoakan beliau dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff serta keluarga berada dalam kesihatan yang baik.

## Sarul Bahiyah, A. Samad Said terima Darjah Kebesaran Negeri

**GEORGE TOWN –** Pegawai Kewangan Negeri, Sarul Bahiyah Abu menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Dato' pada Majlis Penganugerahan Darjah-darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Ulang Tahun Yang di-Pertua Negeri (TYT) Ke-79 di sini baru-baru ini.

Beliau dilahirkan di Selangor pada tahun 1962. Sarul Bahiyah sebelum ini telah menabur khidmat lebih 25 tahun dalam pelbagai peringkat jawatan di negeri Selangor sebelum dilantik sebagai Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang pada April 2016, dan seterusnya Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang mulai Oktober tahun yang sama.

Ketika ditemui, **SARUL BAHIYAH** yang ditemani suaminya, Mohd. Isa Noordin menzahirkan ucapan syukur dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri dengan penganugerahan yang diterima.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri yang memberi kepercayaan kepada saya untuk menerajui Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang.

"Anugerah ini akan memberikan lagi semangat untuk saya bekerja dan menambah baik prosedur kewangan bagi mencapai hasil (kewangan) yang lebih tinggi untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang," ujarnya kepada Buletin Mutiara sejurus majlis penganugerahan tersebut di sini baru-baru ini.

Pada majlis sama, Sasterawan Negara, Datuk **A. SAMAD SAID** turut menerima penganugerahan Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang membawa gelaran Dato' Seri.

Pencapaian serta sumbangan beliau dalam memperkaya dan meninggikan nilai kesusasteraan Melayu telah menobatkannya sebagai Sasterawan Negara pada tahun 1985.

A. Samad atau lebih mesra dipanggil Pak Samad ketika ditemui memberitahu, ketika usianya kini yang menjangkau 85 tahun, beliau ingin melihat suatu perubahan ke arah Malaysia yang lebih aman damai.

"Kini, sudah terdapat perubahan yang terbayang seperti di Selangor dan Pulau Pinang... kita telah nampak bagaimana ia membuahkan hasil yang baik... itu baru dua negeri, belum semua negeri di Malaysia.

"Saya sememangnya mengharapkan perubahan, kerana sudah terlalu lama satu kuasa mentadbir hingga menjadikan mereka 'manja' dan 'nakal'... dan saya tidak tahu, entah sempat ke tidak melihatnya," ujarnya yang turut ditemani isteri, Rashidah Mohd..

Di samping itu, Rashidah turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan TYT di atas pengurniaan darjah tersebut kepada suaminya.

DGPN dizahirkan pada tahun 1996 dan diberikan kepada 100 warga Malaysia yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia. Manakala, DSPN dikurniakan kepada individu-individu yang menyumbang perkhidmatan istimewa serta mempunyai kedudukan tinggi. Kurniaan tersebut dihadkan kepada 800 individu yang masih hidup.



**A. Samad Said dan isteri.**

**Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun TYT Ke-79.**

# Kurniaan satu penghargaan, kebanggaan buat MPSP & Seberang Perai - Rozali

**PADANG KOTA -** Masuk hari kedua Majlis Penganugerahan Darjah Kebesaran Bintang Dan Pingat Kehormatan Negeri Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-79 Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri Pulau Pinang menyaksikan seramai 432 individu tersenarai dalam senarai penerima majlis penuh istiadat berkenaan di Dewan Sri Pinang di sini 25 Julai lalu.

TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas mengurniakan Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) kepada empat individu, yang membawa gelaran Dato' Seri.

Berlangsung di Dewan Sri Pinang, turut tersenarai adalah lima penerima kurniaan Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN), yang membawa gelaran Dato'.

Manakala, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud pula merupakan antara 25 penerima kurniaan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Dato'.

Pada hari tersebut juga, 24 individu disenaraikan menerima kurniaan Darjah Johan Negeri (DJN); Bintang Cemerlang Negeri (BCN, 14); Pingat Kelakuan Terpuji (PKT, 40); Pingat Jasa Kebangkitan (PJK, 142); Pingat Jasa Masyarakat (PJM, 157) dan Pingat Bakti Setia (PBS, 21).

Rozali yang ditemui kemudian menganggap kurniaan yang diterimanya itu sebagai suatu penghargaan dan kebanggaan buat MPSP dan warga Seberang Perai.

Rozali turut merakamkan penghargaan kepada semua pengamal media yang begitu banyak memberi liputan meluas kepada pencapaian demi pencapaian MPSP, sejak beliau dilantik menjadi Setiausaha Perbandaran lagi.

"Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana memberikan kurniaan DSPN yang membawa gelaran Dato'.

"(Kurniaan) ini suatu penghormatan dan penghargaan kepada MPSP dan penduduk Seberang Perai.

"Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua wartawan yang membuat liputan media, sejak saya menjadi Setiausaha Perbandaran lagi.

"Dalam 200 hari pertama ini, salah satu fokus (pentadbiran) saya untuk meningkatkan mutu pelanggan MPSP adalah untuk memperluaskan kerja-kerja pembersihan ke kampung-kampung tradisional dan perkampungan baharu," katanya di lobi dewan di sini.



**SR. Rozali Mohamud sambil ditemani ahli-ahli keluarganya menunjukkan Anugerah Darjah Kebesaran yang diterima beliau.**

# "Pekerja am seperti kami sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis bahaya.

## Terima kasih Kerajaan Negeri," A. Agustin

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Mungkin ada segelintir daripada kita masih tidak menyedari sumbangan dan jasa pekerja sektor 3D iaitu pekerja am yang melakukan tugas-tugas sukar, bahaya dan kotor, malah ada juga yang mencemuh ketika mereka cuma menjalankan tanggungjawab dipikul.

Namun, Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 amat memandang berat sekaligus mengiktiraf usaha keras pekerja sektor 3D negeri ini.

Bagi **S. PRABAGARAN**, 33, dari Unit Veterinar Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) terharu apabila menerima pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri.

"Ramai yang tidak faham kerja kami, dan perkara yang paling sukar adalah ketika berhadapan dengan orang awam, tetapi, saya sangat gembira apabila Kerajaan Negeri mengiktiraf kerja kami.

"Ini (penerimaan pingat) adalah sebagai pembakar semangat untuk terus berbakti kepada negeri," ujarnya yang telah berkhidmat selama tiga tahun bersama-sama MPSP kepada Buletin Mutiara sejurus majlis penganugerahan berkaitan di sini baru-baru ini.

Bercakap kepada pemberita, Prabagaran memberitahu, tugasnya di Unit Veterinar bukan sahaja kena pastikan situasi sekeliling selamat, tetapi juga (kena pastikan) orang awam tahu apa tugasan yang mereka lakukan.

"Misalnya, baru-baru ini saya terlibat dengan aktiviti menangkap anjing, memandangkan isu rabies atau anjing gila mula tular di beberapa lokaliti di luar Pulau Pinang, unit kami sentiasa siap siaga.

"Paling mencabar bukan sewaktu berdepan dengan haiwan berkenaan, sebaliknya dengan orang awam, kerana ada yang tidak faham mengapa perlunya kami menangkap anjing-anjing liar dan terbiar ini.

"Jadi sebolehnya, sebelum melaksanakan tugas, pasukan kami akan memastikan orang awam maklum supaya tidak timbul konflik ketika melaksanakan tugas," ujar beliau

Rakan sepasukannya, **S. THIMOTHY** dan **MOHD. SOFIAN MOHD. SUKRI** yang berkhidmat selama 13 tahun bersama-sama MPSP turut mengiakan cerita rakannya itu.



**S. Prabagaran (kiri sekali), A. Agustin (tiga dari kiri), S. Thimothy (enam dari kiri) dan Azman Isahak (kanan sekali) dan Mohd. Sufian Ishak (tiga dari kanan) menunjukkan pingat penganugerahan diterima pada istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, **A. AGUSTIN**, 60, antara veteran paling lama berkhidmat dengan MPSP.

Mula berkhidmat pada tahun 1978 sebagai pekerja am, Agustin kini merupakan pemandu di Unit Skuad Khas MPSP.

"Sembilan tahun sebagai pekerja am, memang banyak cabarannya... bukannya mudah kerana mungkin ada yang menganggap kerja-kerja seperti cuci longkang dan menyapu sampah di tepi jalan adalah biasa, sedangkan pekerja am seperti kami sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis bahaya.

"Kemudian saya ditugaskan pula sebagai pemandu dan sehingga kini...sudah 30 tahun dan pada 1 September ini saya bakal bersara," jelasnya yang menerima Pingat Bakti Setia (PBS).

**AZMAN ISAHAK**, 48, dari Depo Jalan Betek, Seberang Perai Tengah (SPT) dan **MOHD. SUFIAN ISHAK**, 30, dari Unit Skuad Khas masing-masing berasa terharu dengan penghargaan yang diberikan.

"Sungguhpun baru berkhidmat selama enam tahun, alhamdulillah, usaha dan penat lelah kami sebagai pekerja biasa dihargai.

"Penghargaan ini menjadikan kami lebih bersemangat untuk terus berkhidmat kepada MPSP dan negeri Pulau Pinang," katanya dengan teruja.

Begitu juga Mohd. Sufian yang turut bersyukur dan berterima kasih apabila terpilih menerima PJM pada istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

*(Rujuk juga muka 15).*



**SPEAKER DUN, Dato' Law Choo Kiang, Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan.**



**ISTERI kepada Speaker DUN, isteri kepada Ketua Menteri dan isteri kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama Toh Puan Majimor Shariff.**

# Jadikan masjid sebagai pusat pembangunan ummah, seru Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Masjid bukan sahaja berperanan sebagai rumah ibadat untuk orang Islam, tetapi harus dijadikan sebagai pusat pembangunan ummah dan aktiviti komuniti setempat.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata, jawatankuasa kariah masjid perlu memainkan peranannya seperti zaman Rasulullah SAW dalam menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan ummah.

"Ketika itu (zaman Rasulullah SAW), masjid bukan sahaja menjadi tempat ibadat, malah juga sebagai pusat aktiviti dan pembangunan ummah.

"Apabila (jawatankuasa kariah) masjid memainkan peranannya sebagai pusat pembangunan ummah, ia mampu membuka ruang ke arah ukhuwah dalam kalangan masyarakat," ucapnya pada Majlis Perasmian Masjid Terbuka Hari Raya Untuk Semua di Masjid Kapitan Keling dekat sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, **Abdul Malik menyatakan bahawa sejak mengambil alih tampuk pentadbiran Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pakatan menjadikan model pentadbiran zaman Khalifah Umar Abd al-Aziz sebagai contoh.**

**"Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng seorang pemimpin bukan Islam, mencadangkan supaya kita (pentadbiran negeri) mengambil contoh pentadbiran Khalifah Umar Abd al-Aziz dengan menjadikan Islam sebagai agama rahmat seluruh ummah.**

**"(Dan) saya sendiri pada masa itu terkejut, bagaimana seorang pemimpin bukan Islam begitu tahu tentang sejarah Islam...cuma saya berharap inisiatif ini (menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan ummah dan aktiviti masyarakat setempat) dapat diteruskan pada masa-masa hadapan,"** ujarnya yang kemudiannya menyampaikan sijil pengiktirafan kepada para penganjur majlis.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Pengerusi Kariah Masjid Kapitan Keling, Datuk Meera Mydin Mastan; Presiden Pertubuhan Penyebaran Islam Antarabangsa (IPSI) Pulau Pinang, Kamaruddin Abdullah; ketua-ketua agama dan wakil rumah-rumah ibadat bukan Islam seluruh Pulau Pinang.

Masjid Terbuka Hari Raya Untuk Semua berkenaan dianjurkan bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP), IPSI dan Jawatankuasa Kariah Masjid Kapitan Keling.

Selain jamuan makan, pengunjung yang datang ke Masjid Kapitan Keling pada hari tersebut juga berpeluang untuk menelusuri sejarah masjid tertua di George Town, selain dibawa melawat ke seluruh kawasan masjid oleh jawatankuasa kariah masjid.



**ABDUL Malik Abul Kassim (depan, kiri sekali) beramah-mesra dengan beberapa tetamu jemputan yang hadir pada penganjuran Masjid Terbuka Hari Raya Untuk Semua di Masjid Kapitan Keling dekat sini baru-baru ini.**

# Exco umum projek tebatan banjir Sungai Permatang Rawa mula Oktober

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bakal melaksanakan sebuah lagi projek tebatan banjir di Sungai Permatang Rawa bermula Oktober ini, dan dijangka siap sepenuhnya dua tahun kemudian (Oktober 2019).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, projek bernilai RM31.7 juta tersebut dijangka memberi manfaat kepada lebih 500 kediaman sekitar kawasan tadahan seluas 5.2 kilometer (km) persegi dan panjang 4.75 km persegi, yang melibatkan penduduk Kampung Tanah Liat, Taman Guru, Padang Lalang dan Kampung Permatang Rawa di sini.

"Itupun menangani 86 peratus dari kawasan (tadahan) banjir, tak sampai 100 peratus pun kerana kekangan peruntukan.

"Kawasan-kawasan bendang mungkin banjir, tetapi kawasan taman perumahan dan kediaman dapat kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) bantu tangani.

"Bagi parti-parti lawan senang cakap dulu tak banjir, tetapi sekarang banjir...tugas kita adalah menukar kawasan banjir menjadi kawasan tak banjir," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota sambil mendedahkan enam projek tebatan banjir bernilai RM8,306,027 yang dibina sejak tahun 2008 dan kini telahpun siap. (Sila rujuk Lampiran A).

Bercakap pada sidang media sama, Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, Ir. Zainuddin Yusoff memberitahu, kerja-kerja pelebaran serta memperdalam Sungai Permatang Rawa sepanjang 3,800 meter serta pembinaan sebuah '*drop structure*' merupakan antara sembilan skop penyelesaian dalam projek berskala sederhana tersebut.

Sebelum itu, dua wakil firma jurutera perunding projek, Pengarah Perkasa Associates Consulting Engineers Sdn. Bhd., Ir. Zulkhairi Maon dan Ketua Fazs Consulting Engineering, Ir. Fatheeyah Zainuddin masing-masing menjelaskan hasil penyelidikan kejuruteraan yang dibuat demi mengurangkan risiko kekerapan banjir dalam tempoh 20 dan 50 tahun mendatang.

Menurut mereka, skop penyelesaian dicadangkan dalam projek tersebut adalah (projek) penarafan Sungai Permatang Rawa sepanjang 3,800 meter; dua jambatan sedia ada; '*crossing*' sedia ada di 19 lokasi; dua pintu air sedia ada; 30 *nos outlet* sedia ada; jalan sedia ada sepanjang 1,500 meter; pembinaan '*trash screen*' dan '*log boom*', pembinaan sebuah '*drop structure*' dan kerja-kerja pengalihan balik tanah.

ADUN Padang Lalang, Chong Eng yang juga Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti serta Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong turut sertai Kon Yeow melawat salah satu tapak projek tebatan banjir di Taman Guru di sini.

**TERBUKTI SIAP**

**RM8.3 juta projek tebatan banjir yang berjaya disiapkan MPSP di KADUN Padang Lalang (2008 - 2017)**

| BIL. | TAJUK/NAMA PROJEK | PERBELANJAAN (RM) | STATUS (SIAP PADA) |
|---|---|---|---|
| 1 | Pakej 4: Taman Desa Damai (Sistem Perparitan) - Pakej A | 1,088,034.50 | 24.03.2011 |
| 2 | Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai: Sistem Perparitan & Rumah Pam Taman Desa Damai (Pakej 4) - Perparitan Pakej B | 2,650,473.34 | 20.01.2013 |
| 3 | Projek Tebatan Banjir Sg. Rambai: Sistem Perparitan & Rumah Pam Taman Makok - Pakej 3 | 1,519,289.16 | 22.08.2013 |
| 4 | Cadangan Kerja-Kerja Menaik Taraf Parit Konkrit di Lebuh Binjai 3, Taman Seri Rambai, Bukit Mertajam, SPT | 200,000.00 | 11.01.2014 |
| 5 | Cadangan Pembinaan Ruman Pam dan Naik Taraf Parit di Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai, SPT | 2,409,330.00 | 06.06.2015 |
| 6 | Cadangan Pembinaan Rumah Pam di Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai, SPT | 438,900.00 | 08.02.2016 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 8,306,027.00 | |

**LAMPIRAN A.**



**CHOW Kon Yeow (barisan depan, lima dari kiri), Chong Eng (barisan depan, empat dari kiri) ketika melawat salah satu tapak projek tebatan banjir di Taman Guru di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ME**



# Exco anggap 'malang' Pusat bina PPR, tapi Kerajaan Pulau Pinang terpaksa selenggara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) dan Lim Hock Seng (tiga dari kanan) menyaksikan wakil JKR menyerahkan sijil siap projek pembaikan semula keretakan kediaman kepada wakil penduduk di Blok 3 Mak Mandin 1 di sini baru-baru ini.

**BAGAN JERMAL -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang terpaksa memulakan kerja-kerja penyelenggaraan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina Kerajaan Pusat sendiri, kerana pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tidak lagi meluluskan peruntukan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) ke negeri ini.

Exco Perancangan Bandar dan Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, **Kerajaan Negeri hari ini bagi tahun 2017 meluluskan lebih RM3.8 juta peruntukan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP) untuk kerja-kerja penyelenggaraan rumah kos rendah dan sederhana rendah, termasuk PPR.**

**"Malangnya, PPR ini projek Pusat, mereka bina, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) selenggara**.

"Di Malaysia, jumlah PPR yang dibina di Pulau Pinang adalah terendah iaitu lebih kurang 600 unit sahaja," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada Majlis Penyerahan Projek Pembaikan Keretakan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Blok 3, Mak Mandin 1 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan.

Justeru, Jagdeep mendesak Kerajaan Pusat melalui Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) supaya meluluskan peruntukan berwajib serta memberi perhatian pada kerja-kerja penyelenggaraan PPR di negeri ini.

"Permohonan untuk tahun lepas (2016) sahaja, tiada satu (TP1M) pun diluluskan untuk negeri Pulau Pinang.

"Apakah kita (rakyat Malaysia di Pulau Pinang) dianaktirikan," soalnya.

Tegas Jagdeep, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang senantiasa mengalu-alukan Kerajaan Pusat membina PPR di negeri ini.

Menurut beliau, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan sebelum ini telahpun mengemukakan kepada Menteri Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar beberapa cadangan tanah awam di Pulau Pinang untuk Kerajaan Pusat membina lebih banyak unit PPR.

Namun, Jagdeep mendakwa bahawa tiada jawapan balas daripada pihak berwajib.

"Secara khususnya, ada sebidang tanah (seluas) 14 ekar di (Parlimen) Jelutong di bahagian pulau.

"Kalau (Kerajaan) Pusat bina, kita (rakyat Pulau Pinang) boleh lihat berapa ribu (unit) PPR dibina," ujarnya.

## Rabies: Exco umum sekatan trafik, larangan bawa anjing berkuat kuasa serta merta

**BUKIT TENGAH -** Larangan membawa masuk anjing ke negeri ini berkuat kuasa serta merta ekoran dua kes gigitan anjing gila (rabies) berlaku di Serian dekat Sarawak dan Taiping, Perak baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) turut menjalankan sekatan trafik demi memantau aktiviti pemindahan anjing dari Perak ke negeri ini.

"Setakat ini, Negeri Pulau Pinang berstatus pulih dan sekiranya tiada kes terbaru (sejak dua tahun lepas) dikesan sehingga bulan September ini, Negeri Pulau Pinang akan bebas dari penyakit rabies

"Pemilik binatang peliharaan diminta supaya segera datang ke Pejabat JPV untuk mendapatkan suntikan vaksin dan pasport binatang peliharaan, atau boleh pergi ke mana-mana klinik veterinar swasta," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada sidang media 19 Julai lalu di sini.

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah JPV, Dr. Salmiyah Tahir menyatakan bahawa, pihaknya mula menjalankan operasi sekatan trafik dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di semua sempadan pintu masuk Perak ke negeri ini.

Malah, tambah beliau, sehingga kini **Bilik Gerakan JPV Pulau Pinang beroperasi, dan hubungi 04-504 1047 untuk aduan berwajib atau pertanyaan lanjut**.

"Sehingga kini, 241 sampel otak telah diuji dan negatif bagi penyakit tersebut.

"Di sini (Pulau Pinang), kita (JPV) pernah kuarantin (kucing tak bertuan) tetapi negatif, tiada kes atau simptom walaupun sebenarnya penyakit zoonosis rabies ini boleh menjangkiti semua binatang yang dipelihara di rumah, sama ada anjing mahupun kucing," respons Salmiyah ketika ditanya mengenai langkah Kerajaan Negeri sebelum ini yang berhasrat membunuh anjing sahaja demi mencegah wabak anjing gila sejak dua tahun lepas.



DR. Afif Bahardin dan Dr. Salmiyah Tahir pada sidang media di sini 19 Julai lalu.

Menurut rekod MPSP, sejumlah 5,927 ekor anjing berdaftar telahpun divaksinkan, mempunyai pasport binatang pemeliharaan serta ditanam cip pengenalan diri dalam tubuh binatang tersebut.

Manakala, 3,870 vaksin yang masih dalam bekalan JPV sehingga kini dijangka mencukupi untuk langkah pencegahan wabak anti rabies di negeri ini.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 15 September 2015 mengumumkan Perintah Kawasan Jangkitan Penyakit Anjing Gila (Pulau Pinang) 2015 dikuatkuasakan serta merta, sehingga 9 Oktober tahun sama, selain menggandakan kempen vaksinasi rabies.

Perintah ketika itu berupa arahan menghapus anjing liar atau anjing tidak bertuan demi mencegah risiko rabies ke atas penduduk Pulau Pinang.

## Aplikasi AIME hadapi aedes, zika masih belum dimuktamadkan - Exco

**GEORGE TOWN -** Cadangan mengggunakan aplikasi dalam telefon pintar AIME atau *Artificial Intelligence In Medical Epidemiollgy* untuk warga Pulau Pinang mengenal pasti lokaliti wabak aedes dan zika secara langsung di negeri ini masih belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, peruntukan RM200,000 yang diluluskan Kerajaan Negeri sebelum ini adalah untuk membina infrastruktur serta aplikasi pintar bagi tujuan projek perintis tersebut sahaja.

"Saya akan membentangkan dalam mesyuarat Exco (Kerajaan Negeri).

"Diharapkan, ia akan memberi jaminan manfaat kepada penduduk Pulau Pinang jika dimuktamadkan nanti untuk pelaksanaan AIME di seluruh negeri," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dengan wakil AIME, selepas suatu majlis penerangan bahaya virus berkaitan di sini baru-baru ini.

Difahamkan, dengan memuat turun AIME, pengguna telefon pintar boleh terus mendapatkan maklumat lokaliti wabak, serta membuat maklum balas berwajib secara interaktif.

# Pesta Durian Pulau Pinang, JOM!

**PULAU BETONG -** Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa durian Balik Pulau kini merupakan buah 'istimewa' yang bersifat eksotik dan eksklusif buat masyarakat luar negara.

Katanya, perkara tersebut diketahuinya ketika berjumpa dengan seorang Profesor berasal dari Amerika Syarikat yang menetap di Singapura baru-baru ini.

"Melalui kajian yang dijalankan beliau (Profesor), durian Balik Pulau kini sudah jadi eksklusif, dalam erti kata lain ianya lain dari tempat lain terutama dari segi rasa.

"Katanya, jikalau *wine* terbaik di dunia ada di Nepal, maka begitu juga durian terbaik datangnya dari Balik Pulau," ucapnya pada Majlis Perasmian Pesta Durian Pulau Pinang 2017 dekat Anjung Indah, Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Pesta tahunan tersebut merupakan anjuran Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (DBD), Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Pesta dengan tema 'Mai Pekena Durian Balik Pulau' tersebut berlangsung dari 15 Jun hingga 15 Oktober 2017.

Hadir sama, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Maktar Shapee; Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid; PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Tanah DBD, Azlina Baizura Abu Bakar



**SAJIAN pulut durian yang turut dihidangkan.**

Tajudin; Pengarah JPNPP, Rozaidi Abdul Rahman dan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.

Afif dalam pada itu turut mengakui harga durian tahun ini adalah agak mahal berbanding tahun-tahun sebelumnya, dan meminta JPNPP memainkan peranan penting bagi memastikan harganya terkawal.

"Antara faktor-faktor kenaikan harga buah adalah kerana ianya mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelancong-pelancong, terutamanya dari China dan Hong Kong sehinggakan ada yang datang ke sini semata-mata untuk menikmati durian.

"Namun, kita tidak mahu Raja Buah ini menjadi terlalu mahal hingga orang tempatan sendiri tidak mampu



**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri), Maktar Shapee (kiri sekali) dan Abdul Halim Hussain (kanan sekali) pada Majlis Perasmian Pesta Durian Pulau Pinang 2017 di sini baru-baru ini.**

membelinya," jelasnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Antara jenis buah durian yang terdapat pada pesta tersebut, *Musang King*, Hati Merah, Kapri, Labu, Udang Merah dan Duri Hitam.

# Pertukaran pegawai, ketua jabatan tidak halang pelaksanaan projek untuk rakyat - Exco

Teks dan Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PINANG TUNGGAL -** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menegaskan bahawa sebarang pertukaran pegawai mahupun ketua-ketua di jabatan kerajaan tidak akan menghalang pelaksanaan projek untuk rakyat.

Malah, katanya, pertukaran tersebut adalah amalan biasa bagi pentadbiran kerajaan, sama ada di peringkat Persekutuan ataupun negeri.

“Namun, suka saya nasihatkan jabatan-jabatan kerajaan agar terus melaksanakan semua projek untuk rakyat yang telah diluluskan walaupun berlaku pertukaran ketua dan pegawai baharu.

“Ini (pertukaran pegawai) adalah suatu lumrah bagi pentadbiran kerajaan terutamanya bagi Kerajaan Pusat, dan Kerajaan Negeri tiada kuasa dalam menghalang perkara tersebut.

“Kita (Kerajaan Negeri) berharap dan percaya, sungguhpun pertukaran berlaku, namun projek-projek yang dijanjikan serta diluluskan akan tetap sampai kepada rakyat dalam masa yang ditetapkan,” ucapnya pada Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah JPS Negeri, Ir. Sabri Abdul Mulok dan Timbalannya, Shaari Abdullah.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa bagi kerajaan tempatan, pertukaran yang berlaku baru-baru ini adalah berbeza dengan sistem Kerajaan Pusat.

“Pertukaran yang dilakukan cuma melibatkan pertukaran dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan sebaliknya.

“(Dan) perkara tersebut dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang yang lebih percaya kepada kepakaran tempatan berbanding jika kita mengambil kepakaran luar,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Kon Yeow dalam pada itu turut memuji JPS Negeri sebagai sebuah jabatan yang efisien dalam menjalankan tugas termasuk hal-hal berkaitan menaik taraf sistem saliran, longkang, membantu petani dan sebagainya.

“Saya berharap, pelan tebatan banjir yang telahpun dirancang di sekitar Seberang Perai dapat direalisasikan bagi membendung masalah banjir walaupun pegawai atau ketua jabatan berwajib bertukar tempat tugas,” seru beliau.



**CHOW Kon Yeow (barisan belakang, tengah) merakam bergambar kenangan bersama-sama kakitangan JPS Pulau Pinang bersempena Sambutan Hari Inovasi JPS di sini baru-baru ini.**



# Kementerian digesa tambah doktor pakar, naik taraf HSB

**SUNGAI BAKAP** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) digesa segera menaik taraf Hospital Sungai Bakap (HSB) serta menyediakan cukup tenaga doktor pakar sejajar dengan populasi penduduk yang kian meningkat di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Maktar Shapee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap serta ADUN Jawi, Soon Lip Chee memberitahu, gesaan itu adalah wajar memandangkan hospital kerajaan tersebut turut menerima lambakan pesakit dari negeri jiran, Kedah dan Perak.

"Orang-orang dari Parit Buntar pun gemar ke sini kerana apabila tidak cukup kepakaran di sini, mereka hanya akan dihantar ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) ataupun Hospital Pulau Pinang (HPP), dan bagi mereka adalah tidak terlalu jauh.

"Berbanding Hospital Parit Buntar, jika kes tidak dapat diselesaikan, mereka akan dirujuk ke Hospital Taiping atau Ipoh yang jaraknya lebih jauh.

"Dari sudut itu, kita dapat lihat impak dan kepentingan HSB yang perlu dinaik taraf dari segi tenaga pakar, katil serta bangunan tambahan," tegasnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Manakala, Lip Chee pula menyatakan bahawa pihaknya beberapa tahun lepas pernah menulis surat kepada KKM berhubung isu berbangkit, namun tiada maklum balas lanjut.

"Saya juga sepakat bersama Dato' Maktar akan sekali lagi menulis surat kepada KKM dalam menyuarakan hasrat penduduk di sini yang mahukan hospital lebih selesa dan mempunyai kemudahan lengkap.

"Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya (Ahli Parlimen Balik Pulau) datang melawat baru-baru ini, namun kita tidak pasti sama ada ianya akan dinaik taraf atau tidak," jelasnya.

Tambah Lip Chee, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang baru-baru ini mendedahkan bahawa HSB pada 2016 mencatatkan kadar penggunaan katil 51.05 peratus daripada 105 katil.

"Ini bukan kerana HSB tidak dikunjungi, namun disebabkan tiada tenaga pakar, mereka dipindahkan ke HSJ dan HPP," ujarnya.



MAKTAR Shapee (tengah) dan Soon Lip Chee (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesakit di HSB ketika mengadakan lawatan di sini baru-baru ini.

# Salur insentif galak Program Perkebunan Komuniti, tingkat produktiviti makanan negeri

**MACHANG BUBOK** - Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) meluluskan RM3,370,000 insentif kepada petani dan usahawan industri asas tani (IAT) pada 2017, berbanding RM3,180,000 (2016).

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menyalurkan sejumlah peruntukan bagi Program Perkebunan Komuniti dengan kerjasama JPNPP serta beberapa jabatan lain demi menggalakkan lagi penduduk bandar terlibat dalam sektor pertanian.

"Tujuan utama program ini ialah untuk membantu isi rumah bandar meringankan kos sara hidup dengan mengeluarkan sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan.

"Usaha ini akan dibantu oleh pihak Jabatan Pertanian (JPNPP) melalui insentif dan khidmat nasihat secara berterusan kepada institusi, agensi, individu dan komuniti yang terlibat," ujarnya pada Majlis Hari Bertemu Pelanggan 2017 di pejabat JPNPP di sini baru-baru ini.

Pengarah JPNPP, Rozaidi Abdul Rahman turut berucap pada majlis tahunan itu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng yang juga Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti.

Afif yang juga ADUN Seberang Jaya menyatakan bahawa agensi pelaksana negeri merangka pelbagai inisiatif dan polisi demi pembangunan sektor agro makanan tempatan bagi memastikan industri tersebut kekal relevan di Pulau Pinang.

"(Di bawah Program Perkebunan Komuniti ini), RM72,000 peruntukan telah disalurkan kepada 1,002 peserta pada tahun 2017, berbanding RM48,500 kepada 485 peserta (2016)," jelasnya.

Selain itu, tambah Afif, Kerajaan Negeri pada 2016 turut memberikan insentif kepada 52 pihak yang perladangan mereka berjaya mencapai piawaian pensijilan skim *myGAP*, berbanding 37 pihak pada tahun sebelumnya.

Menurut beliau, insentif Kerajaan Negeri turut diberikan kepada enam pihak peladang yang berjaya mencapai piawaian pensijilan skim *myOrganic* pada 2016, berbanding empat pihak pada tahun sebelumnya.




DR. Afif Bahardin (tengah) dan Chong Eng (berkemeja biru) bergambar bersama-sama para peserta dan penerima khas Majlis Hari Bertemu Pelanggan 2017 JPNPP di sini baru-baru ini.



# Perjumpaan dengan agensi kerajaan bincang isu keselamatan jalan negeri - Exco

**BAYAN BARU -** Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng bakal mengadakan perjumpaan bersama-sama agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan berwajib bagi membincangkan isu keselamatan di jalan-jalan negeri seluruh Pulau Pinang.

Tindakan tersebut adalah rentetan kejadian seorang warga emas yang terjatuh ke dalam parit besar antara dua Jalan Persekutuan iaitu FT220 dan FT281 berdekatan Setia SPICE Centre, Jalan Tun Dr. Awang di sini.

"Jalan ini merupakan Jalan Persekutuan, dan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melantik kontraktor Belati Wangsa Sdn. Bhd. untuk membina tembok berbentuk L setinggi satu meter.

"Apabila siap kelak, ia akan membentuk tembok segi empat berbanding sebelum ini hanya tembok berbentuk L," ujarnya kepada pemberita ketika mengadakan lawatan ke tapak berkaitan baru-baru ini.

Hadir sama, pegawai berwajib dari JKR Daerah Timur Laut.

Hock Seng dalam pada itu turut memberitahu bahawa pihaknya akan mengadakan perjumpaan dengan semua agensi kerajaan berwajib bagi membincangkan isu keselamatan jalan di semua jalan-jalan negeri termasuk menilai semula kawasan selamat, keselamatan parit dan longkang dan pembahagi laluan.

Mengulas lanjut, menurut Hock Seng, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sebelum ini turut mengadakan tinjauan di kawasan kejadian.

"Malah, beliau juga telah melawat keluarga mangsa dan menyerahkan sumbangan wang tunai selain menzahirkan ucapan takziah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Difahamkan, dalam kejadian 14 Julai lalu, mangsa yang sedang memandu dalam hujan lebat terperangkap dalam banjir kilat dan keluar meninggalkan keretanya di tepi jalan.

Mangsa kemudiannya dipercayai berjalan ke tempat tinggi dan melintasi jalan sebelum terjatuh ke dalam parit berkenaan yang tenggelam dilitupi air banjir.



**LIM Hock Seng (kiri sekali) dan pegawai-pegawai berkaitan ketika mengadakan lawatan ke lokasi kejadian di sini baru-baru ini.**







# "Alhamdulillah, kini kami boleh menjaja tanpa perlu berebut tempat," Muhammad Faizal

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PANTAI JEREJAK –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak menyeru golongan peniaga kecil dalam kalangan penjaja pasar malam agar tidak menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya serta mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

ADUNnya, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Timbalan Ketua Menteri I berkata, tindakan tersebut bukan sahaja tidak beretika dan menipu pengguna, malah ia adalah salah mengikut undang-undang.

"Janganlah kita (peniaga-peniaga kecil) bersikap seperti menangguk di air keruh.

"Walaupun cabaran sememangnya terasa setelah pelaksanaan GST, namun janganlah anda mengambil kesempatan di atas perkara tersebut dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya hingga membebankan para pengguna.

"Kerana, sekiranya anda (peniaga) sedar, kebanyakan penduduk setempat menjadikan pasar malam sebagai pusat sehenti untuk mendapatkan barangan keperluan mingguan. Ini adalah kelebihan anda yang berniaga di pasar-pasar malam kerana dekat dengan pengguna," ujarnya yang merupakan Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat pada Majlis Penyerahan Khemah Kepada Golongan Penjaja Kecil Di Pasar Malam Kampung Jawa dekat Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, sebanyak 10 khemah bersaiz 3 meter (m) x 3m disumbangkan kepada peniaga-peniaga terpilih di situ.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Jawa, V. Thambusamy.



ARTINE Abu Hassan dan suaminya.




MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) menyampaikan sumbangan khemah kepada Muhammad Faizal Abd. Rahman (tiga dari kiri) sempena Majlis Penyerahan Khemah Kepada Golongan Penjaja Kecil Di Pasar Malam Kampung Jawa, Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Bagi salah seorang penerima, **MUHAMMAD FAIZAL ABD. RAHMAN**, 38, yang menjalankan perniagaan menjual *bihun Singapore* lebih 10 tahun berpendapat bahawa golongan penjaja-penjaja kecil kini lebih mudah mendapat lesen dan ruang untuk menjaja.

**"Alhamdulillah, kini kami boleh menjaja tanpa perlu berebut-rebut tempat di pasar malam ekoran tidak mempunyai lesen dan ruang menjaja yang tetap.**

**"Jika dahulu, sampai lambat sedikit, pasti ruang menjaja akan jadi rebutan ekoran tak ada tempat khas yang disediakan untuk setiap penjaja (di pasar malam), malah lesen juga susah untuk dimohon.**

**"Tetapi kini (di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan), kami sudah mempunyai lesen, dan bagi setiap pasar malam, pastinya disediakan satu ruang tetap untuk setiap peniaga tanpa perlu dipertikaikan (bergaduh) lagi**," jelasnya.

Manakala, bagi **ARTINE ABU HASSAN**, 58, beliau mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Mohd. Rashid menyumbangkan khemah kepada golongan peniaga, yang mana ia (khemah) merupakan kelengkapan penting kepada golongan penjaja untuk mencari rezeki setiap hari.

*(Rujuk juga muka 14)*.

# Pameran awam Laporan EIA Projek LRT Bayan Lepas kini dibuka

**GEORGE TOWN –** Butiran terperinci Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi cadangan Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas dipamerkan kepada orang awam bermula 19 Julai lalu.

Pameran tersebut dibuka dari 8 pagi hingga 5 petang dan akan berlangsung sehingga 17 Ogos ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, Projek LRT menghubungkan Komtar dan Bayan Lepas tersebut adalah keutamaan untuk pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP).

"Ia merupakan satu langkah penting ke arah memperbaiki sistem pengangkutan awam dan juga medikasi terhadap kesesakan lalu lintas di sini kelak, iaitu apabila projek ini mendapat kelulusan dan dimuktamadkan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan agensi berkaitan," ujarnya ketika mengadakan lawatan ringkas ke salah satu lokasi pameran dekat Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengurus Pembinaan SRS Consortium, Julian Yeap Kheang Teik.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, **tujuan pameran tersebut diadakan adalah bagi membolehkan orang awam dan badan-badan berkepentingan meneliti laporan disediakan konsultan EIA yang telah dilantik (ERE Consulting Group Sdn. Bhd.) oleh rakan pelaksana projek, SRS Consortium, dan menyediakan wadah untuk orang awam memberikan maklum balas berhubung perkara tersebut.**

**"Justeru, orang awam digalakkan untuk melawat lokasi-lokasi di mana dokumen-dokumen ini dipamerkan.**

**"Anda boleh meneliti laporan tersebut dan menyuarakan pandangan bertulis kepada Urus Setia EIA Bahagian Penilaian Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang terletak di Putrajaya sebelum 2 September 2017**," serunya.

Orang ramai boleh mengunjungi 10 lokasi terpilih iaitu lapan lokasi di Pulau Pinang dan masing-masingnya satu di Perpustakaan Negara Malaysia, Jalan Tun Razak dan Perpustakaan JAS di Putrajaya.

Lapan kawasan tersebut ialah Perpustakaan Awam Seberang Jaya; Bangunan Pentadbiran Kerajaan Negeri di Tingkat Tiga, Komtar; Dewan Bandar Raya, Padang Kota Lama; Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan; Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) dan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP) di Kepala Batas dan Bayan Lepas.

Tambah Kon Yeow, proses seterusnya selepas tarikh tutup (2 September), pihak Kerajaan Negeri, SRS Consortium dan ERE Consulting akan memberikan jawapan kepada soalan-soalan yang diterima dan seterusnya penjelasan tersebut akan diserahkan kepada ibu pejabat JAS untuk diteliti serta dimasukkan ke dalam laporan akhir.

"JAS akan membuat ulang kaji dan meneliti semua soalan berbangkit dan respons daripada pihak Kerajaan Negeri.

"Ulasan-ulasan ini akan dimasukkan ke dalam laporan akhir. Kelulusan daripada JAS terhadap laporan EIA ini adalah amat penting kerana ia adalah salah satu syarat utama yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

"Laporan akhir EIA inilah yang akan menentukan sama ada SPAD bakal melulus serta mempertimbangkan permohonan Kerajaan Negeri bagi membangunkan Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas yang sudahpun dikemukakan kepada mereka sejak Mac 2016," katanya.

Selain itu, butiran terperinci laporan tersebut juga boleh diakses melalui laman sesawang *www.doe.gov.my; www.penang.gov.my; www.pgmasterplan.penang.gov.my* dan *www.ere.com.my/bllrt*.

# RM1.3 juta peruntukan selenggara infrastruktur 11 flat 'hadiah Aidilfitri'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU UBAN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang meluluskan RM1.3 juta peruntukan untuk penyelenggaraan lif dan kerja-kerja penarafan infrastruktur di 11 kediaman pangsa sekitar Parlimen Bayan Baru.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menyifatkan kelulusan itu sebagai 'hadiah Aidilfitri' kepada penduduk setempat.

"Peruntukan untuk kawasan ini (Batu Uban) umpamanya adalah daripada sumber tabung negeri dan juga dana Dr. T. Jayabalan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Batu Uban) sendiri.

"Semua projek menaik taraf infrastruktur yang terlibat adalah di Taman Jubilee Suite 1, Seri Villa Kenanga, Dafe Court, Pangsapuri Jambul, Taman Century Block 38, Taman Jubilee Fasa 7, Seri Saujana, Seri Nibong, Taman Jubilee Fasa 2, Taman Utama (dan) Yanan Pekaka Blok 33," katanya yang juga ADUN Padang Kota dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban dekat Masjid Jamek Batu Uban di sini baru-baru ini.

Selain Jayabalan, hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal serta Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut menyerahkan sijil menduduki unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada beberapa pemohon layak.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri senantiasa komited untuk menangani masalah banjir kilat yang melanda beberapa kawasan sekitar KADUN Batu Uban, Batu Maung dan Pantai Jerejak.

"Dengan mandat dua penggal yang diberikan oleh rakyat Pulau Pinang, kita akan terus berusaha untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan ini," jelasnya.



**CHOW Kon Yeow (kanan sekali) menyampaikan sijil kebenaran menduduki unit kediaman PPR kepada seorang warga emas sambil disaksikan Lim Hock Seng (tiga dari kiri), Dr. T. Jayabalan (dua dari kanan) dan Sim Tze Tzin pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KADUN Batu Uban di sini baru-baru ini.**

Pada 18 November tahun lalu, dilaporkan pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (DUN) mengumumkan kelulusan sejumlah RM40 juta peruntukan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) untuk kawasan Parlimen Bayan Baru.

Jumlah RM220 juta, termasuk RM40 juta untuk Parlimen Bayan Baru yang diumumkan dalam Bajet Pulau Pinang 2017 ketika itu merupakan peruntukan terbesar dalam sejarah pentadbiran negeri, untuk tujuan mengurangkan risiko banjir kilat.



# KN nekad sedia kemudahan pasar awam bertaraf antarabangsa untuk rakyat – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**TANJUNG BUNGA -** Kerajaan Negeri mahu segala kemudahan yang disediakan untuk rakyat termasuk kompleks pasar awam adalah bertaraf antarabangsa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Pasar Awam Batu Feringghi pada 23 Julai lalu berkata, beliau tidak gembira dengan kemajuan dan kemudahan yang ada di kompleks tersebut.

"Projek ini dijalankan melalui GRPB (*Gender Responsive Participatory Budgetting*) dan *Outcome Based Budgetting*, iaitu melalui maklum balas orang ramai yang menyatakan perlunya ada sebuah pasar awam di sini.

"Atas usaha MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang), akhirnya kita berjaya mendapatkan tanah di sini, dan projek ini menelan kos RM9.073 juta, iaitu RM2 juta oleh MBPP dan selebihnya melalui sumbangan pemaju.




**ILUSTRASI grafik rupa bentuk Kompleks Pasar Awam Batu Feringghi apabila siap kelak.**

"Sungguhpun begitu, kita (Kerajaan Negeri) mempunyai tanggungjawab bagi memastikan kemudahan yang disediakan untuk rakyat menepati standard antarabangsa.

"Oleh itu, setelah berbincang dengan Datuk Bandar..saya harap kekurangan yang ada di pasar awam ini dapat diatasi bagi memastikan ia menjadi nilai tambah kepada penduduk tempatan menikmati kemudahan bertaraf antarabangsa," ucapnya pada majlis berkaitan di sini pada sesi lawatan berkaitan.

Menurut Guan Eng, meskipun projek tersebut mempunyai beberapa masalah dan kerja-kerja tambahan sehingga tempoh siap perlu dilanjutkan, namun yang lebih utama adalah untuk memastikan kualiti semua kemudahan yang ada di sini.

"Saya telah minta supaya Datuk Bandar memantau kerja-kerja di sini, dan berharap projek ini dapat memberi manfaat kepada semua," ujarnya.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut berucap pada lawatan kerja berkaitan.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari; Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang serta Ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit.

Difahamkan, kompleks yang mula dibina pada Jun 2014 telahpun memiliki CPC iaitu *Certificate of Practical Completion* atau Perakuan Siap Bina dan masih menunggu CCC atau Perakuan Siap dan Pematuhan.

Kompleks Pasar Awam Batu Feringghi yang terletak di Lot 481, Seksyen 1 Bandar Batu Feringghi merupakan kompleks dua tingkat yang dilengkapi dengan 16 unit gerai makanan dan minuman; 28 unit gerai pasar basah dan kering; dewan serbaguna dengan kapasiti 600 orang; tiga gelanggang badminton; perpustakaan mini; bilik kebudayaan; bilik komunit; bilik mesyuarat dan kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU).

Apabila siap kelak, kompleks pasar awam berkenaan akan menamatkan penantian penduduk selama kira-kira 20 tahun untuk memiliki pasar awam bertaraf antarabangsa.

# Forum @CAT Penang harap lonjak wanita dalam tekno-keusahawanan

**PENGKALAN KOTA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap program-program menggalakkan golongan wanita menceburi bidang tekno-keusahawanan anjuran @ CAT Penang di Kafe Sains Pulau Pinang atau *Penang Science Cafe* (PSC) mampu melonjakkan lagi kecemerlangan gender itu dalam bidang perniagaan dalam talian.



**NADIRA Yusoff (depan sekali) dan para peserta *berwefie* bersama-sama Ketua Menteri pada penganjuran Forum Women, Technology & Entrepreneurship di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Forum Women, Technology & Entrepreneurship di sini baru-baru ini.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) berhasrat untuk memberi kuasa, memberi inspirasi dan meraikan wanita yang melonjak kemajuan dalam kerjaya mereka.

"Sumbangan para usahawan wanita dalam landskap ekonomi Pulau Pinang dan Malaysia tidak dapat dinafikan.

"Hari ini, wanita yang mengurus keluarga dengan kerjaya kelihatan begitu terbuka dan berupaya mengendalikan perniagaan secara bebas," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan ketika merasmikan forum itu.

Ketua Pegawai Informasi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Chang Wing Mow; Pengarah Program @ CAT Penang, Howie Chang dan Pengarah Urusan 'Girls In Tech Malaysia', Nadira Yusoff turut sertai forum tersebut.

Menurut Guan Eng, ketika ini didapati seakan masih sedikit usahawan wanita di peringkat antarabangsa berbanding bilangan usahawan lelaki.

"Berdasarkan laporan *Trends Talent Global 2016*, hanya 30 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja dalam industri teknologi tinggi diwakili oleh wanita.

"Laporan lain dari Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat (ISACA) menyatakan bahawa sekitar 48 peratus wanita dalam bidang teknologi dikatakan mengalami kekurangan mentor wanita, manakala 42 peratus mendakwa bahawa tidak ada model wanita yang memainkan peranan penting dalam industri teknologi," jelasnya.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Mohd. Rizal Abd. Hamid<br>rizalhamid.ppksa@gmail.com | 012 - 424 3878 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN)<br>( BUTTERWORTH) | 04-210 2363<br>04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 012 - 445 1767 | Muazah |
| N2 | Bertam | 012 - 466 9681 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 012 - 505 1334 | Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | 016 - 412 8588 | Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | 012 - 475 4326 | Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | Nurafiqah<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 383 9131 | Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 013 - 580 2547 | Mohd. Izzuan |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 010 - 811 7300 | Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 016 - 231 0806 | Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 464 3004 | Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Jun - Okt. 2017




15hb Jun - 15hb Oktober
***Pesta Durian***
Anjung Indah, Balik Pulau


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Peniaga puji inisiatif MPSP susun semula tapak jaja

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**JAWI -** Pembangkang Pulau Pinang sehingga kini sering kali menggambarkan kononnya berlaku pengusiran besar-besaran



**NAAZIM Gzazali.**

ke atas penjaja kecil Melayu di negeri ini.

Namun, bagi **NAAZIM GZAZALI**, 64, ketika ditemui baru-baru ini melahirkan rasa gembira kerana dipilih antara 19 individu yang mendapat lesen serta tapak jaja terbuka daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini.

Kini, beliau adalah penjaja berlesen dan boleh berniaga makan di tempat yang sama dekat Jalan Bukit Panchor 2, Taman Bukit Panchor di sini.

"Sebelum ini, saya berniaga di petak ini (Jalan Bukit Panchor 2, Taman Bukit Panchor) lebih kurang empat tahun, dan ini kali pertama dapat lesen di sini.

"Jadi, saya nak mengucapkan terima kasih kepada Majlis (MPSP)," jelasnya ketika ditemui di majlis berkenaan.

Tambah Naazim, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Ahli Majlis MPSP, Jason H'ng Mooi Lye dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee atas inisiatif menyusun semula penjaja-penjaja setempat untuk mendapatkan lesen dan tapak jaja di sini.

Seorang lagi penjaja, **MOHAMAD KHASFI MOHAMAD SAID**, 47, yang ditemui kemudian turut memuji inisiatif Kerajaan Negeri memberi lesen menjaja serta tapak jaja terbuka.

"Sebelum ini, saya berniaga di padang permainan (dekat Taman Bukit Panchor), kira-kira 11 tahun, ada lah.

"Selepas ini, saya berniaga char kuetiau di tapak jaja sini lah... bukan sebelah siang, tapi malam," jelasnya.

Dalam pada itu, Lip Chee ketika berucap pada majlis tersebut



**MOHAMAD Khasfi Mohamad Said.**

berharap dengan penyusunan semula tapak jaja terbuka baharu tersebut, ia turut membantu menghidupkan semula aktiviti ekonomi membabitkan pemilik serta penyewa premis komersial setempat di sini.

"Saiz tapak jaja terbuka ini berkeluasan 10 kaki X 10 kaki.

"Sebelum kita menyusun semula penjaja berlesen, tempat ini sunyi sahaja, terutama pada waktu malam.

"Selepas ini, kita harap pengunjung ke kawasan penjajaan di sini turut tahu bahawa ada lot kedai dobi layan diri di sini, macam-macam lot kedai untuk dikunjungi," jelasnya sambil memuji inisiatif MPSP.

Baginya, usaha MPSP menyusun semula penjaja tanpa lesen, sekaligus menyanggah dakwaan pembangkang Pulau Pinang, kononnya kaum penjaja terutama orang-orang Melayu susah nak 'cari makan' di negeri ini.

Sehingga 18 Julai 2017, MPSP merekodkan jumlah penjaja berlesen di bahagian Seberang Perai sejumlah 14,065 orang.

Mengikut bangsa, seramai 2,529 orang adalah Melayu, Cina (2,250), India (302) dan lain-lain (17). Baki 8,967 orang penjaja lagi tidak direkodkan mengikut bangsa.

Mengulas lanjut, Mooi Lye memberitahu, MPSP pada kali ini menyediakan 32 tapak penjaja terbuka untuk projek penyusunan semula penjaja tanpa lesen tempatan.



**SOON Lip Chee (empat dari kanan) dan barisan Ahli Majlis MPSP beramah-mesra dengan para penerima lesen serta tapak jaja terbuka daripada MPSP di sini baru-baru ini.**

"Setakat ini, 19 individu telahpun diberikan lesen dan tapak, tujuh lain baru ditemuduga dan enam tapak jaja masih kosong untuk permohonan mana-mana pihak.

"MPSP tidak pernah memerangi kaum penjaja, tetapi kita menyusun tapak penjaja berdasarkan keperluan lokaliti serta melihat aspek-aspek lain seperti keselamatan dan kebersihan setempat," jelasnya.

Menggunakan peruntukan sendiri, Mooi Lye menyampaikan apron kepada semua 19 penjaja terbabit.

Tiga Ahli Majlis MPSP lain, Heng Yeh Shiaun, Dr. Tiun Ling Ta dan Fadzil Abdullah turut sertai majlis pemberian lesen jaja dan tapak tersebut.



**BEBERAPA penjaja menunjukkan salinan lesen yang diterima.**

# *Climb to Change a Life* sebagai acara tahunan Bukit Bendera

**GEORGE TOWN –** Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Cheok Lay Leng berhasrat menjadikan program '*Climb to Change a Life*' sebagai acara tahunan di Bukit Bendera.

Lay Leng yang ditemui baru-baru ini berkata, salah satu misi PHC adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai lokasi untuk semua.

"Tiada yang lebih bermakna daripada memberikan pengalaman baharu kepada pengunjung Bukit Bendera terutama kepada golongan istimewa untuk menikmati saat indah sepanjang hayat.

"Kita (penganjur) membawa kanak-kanak kurang upaya fizikal bukan sahaja untuk mereka menikmati keindahan alam semulajadi di sini, pada masa sama juga sebagai pendedahan (kepada mereka) tentang jenis-jenis tumbuhan dan fauna di sini.

"(Dan) saya percaya, program yang dicetuskan oleh Presiden Zy Movement Foundation (ZMF), Walter Lee ini boleh dijadikan acara tahunan di Bukit Bendera," ucapnya pada Majlis Perasmian *Climb to Change a Life* di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan The Habitat Penang Hill, Allen Tan dan wakil daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ZMF Malaysia, Adrian Poovendra.

Seramai 27 kanak-kanak kurang upaya fizikal dari Sekolah Pendidikan Khas Harapan (PEKTAS) dan Persatuan Down Sindrom Pulau Pinang (DSA Penang) menyertai program yang dianjurkan bersama-sama PHC, *The Habitat Penang Hill* dan ZMF Malaysia.

Setiap peserta ditemani dua ahli keluarga dan dua penjaga atau sukarelawan daripada *Wawasan Open University* (WOU).

Selain dibawa merentasi denai sepanjang 1.6 kilometer, para peserta dan ahli keluarga turut diraikan dengan persembahan badut, aktiviti mewarna menggunakan pasir dan boling padang.

Sijil penyertaan turut diberikan kepada semua kanak-kanak istimewa yang meluangkan masa separuh hari di tarikan terbaru Bukit Bendera, *The Habitat Penang Hill*.




**SALAH seorang peserta dibawa oleh ahli keluarga dan sukarelawan melalui denai sejauh 1.6 kilometer di *The Habitat Penang Hill*.**



**WALTER Lee (dua dari kanan) beramah-mesra dengan salah seorang peserta pada penganjuran *Climb to Change a Life* di sini baru-baru ini.**

# Syor Pengerusi SPAN selarikan kenaikan tarif air, surcaj di Pulau Pinang bersifat politik - KM

**PENGKALAN KOTA** - Kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Liang Teck Meng adalah bersifat politik apabila mensyorkan tarif air domestik Pulau Pinang dinaikkan selari dengan hasrat Kerajaan Negeri menaikkan lagi surcaj pemuliharaan air (SPA) domestik.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tujuan kenaikan surcaj adalah untuk menghukum pengguna yang membazirkan sumber air rawat sahaja, dan Teck Meng wajar tidak mempolitikkan hasrat murni Kerajaan Negeri hari ini.

**"Cadangan dia (Teck Meng) untuk Pulau Pinang mengadakan maklum balas awam bagi menaikkan tarif air domestik adalah bersifat berat sebelah, kerana pihak berkuasa di Melaka dan Johor (umpamanya) sebelum ini pun tidak pernah mengadakan maklum balas awam ketika menaikkan tarif air domestik begitu tinggi.**

**"Beliau (Teck Meng) datang dari Johor, beliau tidak pernah menyebut mengenai tarif air tertinggi di negeri itu, kira-kira empat kali ganda berbanding tarif air domestik di Pulau Pinang.**

"Ternyata di sini, beliau hanya mempolitikkan isu sahaja," tegasnya yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dalam sidang media di Kafe Sains Pulau Pinang dekat Wisma Yeap Chor Ee di sini baru-baru ini.

Jelas Guan Eng, kenyataan Teck Meng itu sekaligus seakan memberi petanda bahawa Kerajaan Pusat sendiri berhasrat menaikkan tarif air terendah negara yang dinikmati oleh rakyat Pulau Pinang, supaya selari tinggi dengan tarif air domestik di beberapa negeri lain.

"Kerajaan Negeri memang pernah ada cadangan untuk menaikkan tarif air kerana kegunaan air di Pulau Pinang adalah tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Tapi, biarlah kita (Kerajaan Negeri) melaksanakan kenaan surcaj ke atas mereka (pengguna) yang membazir sumber air mentah terlebih dahulu, bukan menaikkan tarif air," tegasnya.




**Lampiran A: TARIF domestik air mengikut pecahan negeri.**

Difahamkan, pertikaian Guan Eng ke atas Teck Meng adalah berdasarkan laporan berita dalam talian Bernama pada 20 Julai lalu.

Tarif air domestik sehingga kini masih RM0.32 setiap 1,000 liter padu bagi 35,000 liter padu pertama setiap bulan, merupakan kadaran paling rendah di Malaysia. (Rujuk Lampiran A).

Tarif air domestik tertinggi adalah Johor sejumlah RM1.05, diikuti Sabah dan Labuan (RM0.90), Selangor (RM0.77), Melaka (RM0.75) dan Perak (RM0.73).

Manakala surcaj pemuliharaan air (WCS) yang dinaikkan oleh PBAPP sebelum ini, daripada RM0.48 kepada RM1 bagi setiap 1,000 liter padu untuk penggunaan melebihi 35,000 liter padu sebulan dikenakan kepada pembazir sumber air bersih itu sahaja.

---

## "Dahulu tak pernah ada anugerah macam ni untuk buruh macam kami," Mohd. Yusof

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** - "Alhamdulillah, terima kasih MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan Kerajaan Negeri kerana penghargaan ini, dahulu tak pernah ada (anugerah) macam ni untuk buruh macam kami...," luah Pekerja Am Skuad 3D (sukar, bahaya dan kotor), **MOHD. YUSOF DAUD**, 69, yang menerima pengiktirafan Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena Sambutan Ulang Tahun Yang di-Pertua Negeri (TYT) Ke-79 di sini baru-baru ini.



**MOHD. Yusof Daud.**

Beliau yang telah berkhidmat selama 38 tahun menyatakan bahawa walau pun kerjanya sering dianggap mudah, namun kadang-kala ia agak mencabar dan tidak menentu masa, terutamanya ketika bencana.

"Jika hari-hari biasa, pakcik hanya membersihkan longkang, parit dan bahu jalan sahaja.

"Tapi... tak tentu juga, kalau ada bencana besar, memang kami terpaksa bekerja siang malam," katanya kepada Buletin Mutiara selepas sesi fotografi bersama-sama Ketua Menteri sejurus majlis penganugerahan tersebut di Dewan Sri Pinang di sini.



**ZAKARIA Md. Ariff.**

Pengalaman sama turut dikongsi oleh rakan sejawatan beliau, **ZAKARIA MD. ARIFF**, 60, yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP.

Bagi Zakaria, selain bencana, musim perayaan adalah waktu puncak buat mereka Pekerja Am Skuad 3D ekoran perlu melakukan pembersihan di kawasan perarakan, khususnya pedati ketika sambutan Thaipusam.

"Selalunya Thaipusam adalah hari paling sibuk untuk kami. Tapi memang seronok dapat bekerja dengan MBPP selama 38 tahun," ujarnya sambil memanjatkan kesyukuran di atas penghargaan yang diterima.

Semenjak mengambil tampuk pemerintahan, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang tidak lupa menghargai jasa-jasa 'wira-wira tidak didendang' Pekerja-pekerja Am pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri.



**PEKERJA-pekerja Am Skuad 3D MBPP menerima penganugerahan PJM sempena Sambutan Ulang Tahun TYT Ke-79 di sini baru-baru ini.**

Pada majlis yang berlangsung 27 Julai lalu, seramai enam Pekerja Am Skuad 3D MBPP menerima PJM bersempena Majlis Sambutan Ulang Tahun TYT Ke-79 berkenaan.

Bagi **P. MOHANARJI**, 60, yang merupakan bekas Penyelia Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP yang kini telah pencen menyatakan bahawa pelbagai pengalaman pahit manis ditempuhnya.

Kongsi beliau, masih segar dalam ingatannya ketika kejadian bencana Tsunami yang melanda Persiaran Gurney pada tahun 2006.

"Ketika itu, kami memang kena kerja siang dan malam selama seminggu membersihkan kawasan *Gurney Drive*.

"Selain kenangan tersebut dan anugerah PJM hari ini, pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diterima sebanyak tiga kali sepanjang 35 berkhidmat dengan MBPP merupakan kenangan manis saya," katanya syukur.



**P. Mohanarji.**

# ‘Suara Anda, Pilihan Anda’ : MBPP melangkah setapak dengan Dialog Bajet MBPP 2018

BERTEMAKAN ‘Suara Anda, Pilihan Anda’, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengorak selangkah lagi dalam usaha menginstitusikan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) dengan mengadakan Dialog Bajet MBPP 2018 pada Jun 10 yang lepas. Bertempat di Balai Rakyat Jalan Patani, George Town, MBPP mengadakan Dialog Bajet Bersama-sama Rakyat Pulau Pinang bagi mendapatkan pendapat dan penyelesaian isu dari peringkat akar umbi sendiri.

Ini bukan kali pertama penglibatan komuniti diperoleh untuk merancang bajet MBPP. Sebelum itu, MBPP telah mengambil inisiatif untuk mengedarkan borang selidik bajet melalui edaran dan pautan laman web atas talian. Kini, MBPP telah menyediakan platform bagi komuniti untuk menjadi rakan kongsi dalam proses perancangan bajet.

Dengan menggunakan pendekatan Kumpulan Tumpu Bincang yang berkonsepkan ala ‘*World Café*’, komuniti dibahagikan kepada empat (4) teras utama untuk membincangkan; Selamat, Kebersihan dan Kehijauan, Sihat, serta Kemudahan Awam dan Prasarana. Setiap individu membincangkan isu dan keperluan mereka serta cara penyelesaiannya di setiap meja yang ditetapkan terasnya selama 20 minit dengan bantuan fasilitator yang terdiri daripada Ketua Jabatan dan Pegawai Penyelaras GRPB MBPP. Selepas setiap 20 minit, para peserta perlu beredar ke meja yang seterusnya sehingga selesai keempat-empat teras.

MBPP menyedari keperluan untuk melibatkan komuniti dalam perancangan bajet supaya setiap sen yang diperuntukkan oleh mereka dapat dibelanjakan secara efisien dan memberi manfaat kepada semua golongan tanpa mengira latar belakang, gender, etnik mahupun umur. Mantan Datuk Bandar MBPP, Datuk Patahiyah Ismail serta Ketua Jabatan Perbendaharaan, Suhaida Kamalul Ariffin memberi jaminan untuk meneliti hasil perbincangan yang diadakan supaya dapat dimasukkan peruntukan bagi isu serta penyelesaian yang relevan dan sewajarnya ke dalam Bajet MBPP tahun hadapan. Pendekatan ini juga bakal dijadikan sebagai program tahunan untuk mendapatkan maklum balas, pendapat serta suara hati komuniti yang lebih jelas.

Dialog Bajet Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama-sama komuniti merupakan salah satu langkah bagi mengintegrasikan gender dan menginstitusikan GRPB ke dalam kitaran bajet PBT. Hasil kerjasama dengan PWDC dalam melaksanakan GRPB di peringkat PBT, Pulau Pinang akan terus maju menjadi sebuah negeri yang bersih, hijau, selamat, sihat, peka terhadap gender serta bertaraf antarabangsa dengan memastikan keadilan sosial dapat dicapai.




**PARA peserta bersama-sama tetamu kehormat.**



**ONG Bee Leng (berdiri, kiri) dan Patahiyah Ismail (berdiri, tengah) berinteraksi dengan peserta.**



**PESERTA mengambil bahagian dalam perbincangan berdasarkan empat teras utama perkhidmatan kerajaan tempatan.**

## ‘VOICES’ kembali!

**‘VOICES’**, anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama *George Town Literary Festival* (GTLF) kembali dengan tema ‘*Woman I Rise*’!

Kita suka kisah berkenaan orang yang kurang bernasib baik, tetapi berjaya menangani segala kesukaran dan memperoleh kecermelangan. Walau bagaimanapun, kita sering gagal mengakui dan menghayati daya tahan wanita dalam kalangan kita yang ‘bangkit’ walaupun mereka menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran sama ada mengharungi kecacatan, melarikan diri dari keganasan rumah tangga, memulakan perniagaan, atau menjadi pemimpin politik, dan sebagainya.

Perjuangan untuk kesaksamaan gender semakin disedari dan disokong dengan pergerakan terancang, penggubalan undang-undang, dan guna-pakai dasar yang berlandaskan gender. Wanita sentiasa mempunyai tempat dalam naratif yang lebih besar di dunia tetapi selalunya berada di pinggir cerita.

Tema tahun ini “*Woman I Rise*” membuka ruang untuk menerokai bagaimana wanita bangkit dari cabaran dan perjuangan mereka, tindakan mereka, tekad mereka, dan daya tahan mereka dalam menghadapi kesukaran tersebut. VOICES 2017 menjemput para penulis wanita untuk tampil dan meneroka daya tahan masing-masing dalam alam peribadi dan politik.

Program ini terbuka kepada pemohon yang berminat untuk mengasah dan berkongsi bakat kreatif mereka dalam ruang yang selamat dan memberdayakan. Peserta akan menjalani bengkel persediaan khusus untuk memberi perspektif jantina, serta meningkatkan kemahiran penulisan. Bengkel penulisan akan diketuai oleh penulis terkenal dan Pengarah Festival, Bernice Chauly sendiri!

Tambahan juga, penulis-penulis terpilih akan berpeluang membaca karya mereka di GTLF pada tahun ini.

Jika anda berminat, sila emel profil dan tulisan sampel anda (maksimum 3 sampel dengan maksimum 5 halaman setiap sampel) ke *voices.pwdc@gmail.com* sebelum 1 Ogos . Pihak PWDC menerima prosa, puisi dan bukan-fiksyen serta tidak mempunyai batasan genre sampel.

Sekiranya anda terpilih untuk program ini, anda akan dihubungi melalui e-mel / telefon pada 2 Ogos . Tarikh Bengkel Penulis Wanita ialah 12 dan 13 Ogos sementara 24 hingga 26 November ialah GTLF 2017. Pengesahan kehadiran diperlukan kerana tempat adalah terhad.



# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| No Akaun | Peminjam | Penjamin 1 | Penjamin 2 |
|---|---|---|---|
| 11692 | HAIZATUL IZUANA BINTI YAACOB - 88050607**** 403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG | HAIZATUL IZAWATY BINTI YAACOB - 80041102**** NO.403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG | MOHD SYAMSUL HASRIN BIN MOHD HARITH - 77032308**** 3A-02-06 TAMAN TUN SARDON, JALAN HILIR PEMANCAR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG |
| 11796 | NUR FATIN HAZWANI BINTI ABDUL RAHIM - 92032607**** NO.1311 MUKIM 16, MACHANG BUBUK, 14020 BUKIT MERTAJAM | NUR FAIZAH BINTI ABDUL RAHIM - 85050202**** NO.1311 MUKIM 16, MACHANG BUBUK, 14020 BUKIT MERTAJAM | ILLIANA SYAHMUN BINTI MOHD RAZALLY - 80090603**** NO.1311 MUKIM 16, MACHANG BUBUK, 14020 BUKIT MERTAJAM |
| 11831 | MOHAMMAD FARIZUL AZRI BIN MOHAMMAD FISOL - 92092207**** NO.597 LORONG 5/11 , TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH | MOHAMMAD FISOL BIN ABDUL MALEK - 66060102**** NO.597 LORONG 5/11, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH | NORLIYA BINTI MOKHTAR - 72082008**** NO.820 LORONG KENANGAN 2/13, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH |
| 11837 | KUHAN RAJ A/L SANTHIRASEGARAN - 92111707**** 59, PINTASAN PEMANCAR 5, TAMAN TUN SARDON 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | SENTHILATHIBAN A/L SUBRAMANYAM - 62102110**** NO.59 TAMAN TUN SARDON, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | ELAMARAN A/L KANNIAH - 75091607**** NO.06-09-01 JALAN GANGSA, 11600 GREENLANE, PULAU PINANG |
| 11840 | J.THANGESWARAN A/L JAYABALAN - 80060607**** NO.12A LORONG MACHANG BUBUK 39, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM | MOGANAMBAL A/P K ANNAMALAI - 61033007**** NO.6B-01-02 JALAN SEMARAK API, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | KOGILAVANI A/P PARASORAMAN - 84090908**** NO.52 LORONG MACHANG BUBUK 38, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM |
| 11848 | ABDUL LATIFF BIN MOHD RADZI - 93070707**** NO.2 SOLOK TENGGIRI, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI. | NURHIDAYAH BINTI MOHD RADZI - 84101907**** B-17-15 PLATINUM LAKE CONDO. NO. 9 JALAN DANAU SAUJANA 1, DANAU KOTA, 53000 KUALA LUMPUR | NURFAEZAH BINTI MOHD RADZI - 86051735**** NO.55 JALAN SP 8/9, BANDAR SAUJANA PUTRA 42610 JENJAROM, SELANGOR |
| 11852 | FATIN BINTI MD. ZAIN - 93090807**** 8-G-2, KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG | MD ZAIN BIN BAHATIN - 61010907**** 8-G-2 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG | YUSOFF BIN ISMAIL - 59090510**** 7-4-1 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG |
| 11858 | ABU DZAR BIN ZAINUDIN - 92010107**** NO.26 LORONG 6/SS2 , BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT | ZAINUDIN BIN MANSOH - 65080207**** NO.26 LORONG 6/SS2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS | SITI HAJAR BINTI ISHAK - 83081902**** NO.403 MK 9, KAMPUNG MASJID, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG |
| 11862 | RAIHAN SUHAILA BT SHAHIMI - 90011014**** 1150E-15-11,SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | SHAHIMI BIN ALI - 60052207**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | ABD RAHMAN BIN ALI - 64021507**** 255-A MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG |
| 11863 | MOHAMAD KAMIL BIN RAHAMATTULAH - 93091607**** NO.2350, LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | RAHAMATTULAH BIN ALLA PITCHAY - 62022507**** NO.2350 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | NOORULAMIN BIN ABDUL RAHMAN - 76102607**** 2137 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 7 11700 GELUGOR, PULAU PINANG |
| 11867 | NUR HIDAYAH ABDUL HALIM - 89080635**** 259 JALAN PERAK, GEORGETOWN, 10150 PULAU PINANG | AHMAD BIN HASSAN - 63041107**** 3-07-15 ARA GREENS, HALAMAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | MAZNAH BINTI PAWANCHIK - 59120107**** NO.259 JALAN PERAK, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG |
| 11869 | MUHAMMAD HAFIZ BIN SHAHIMI - 92121514**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | MOHD AMINUDDIN BIN SHA - 85123007**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG | ZULKIFLI BIN MAT - 63032907**** NO.1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG |
| 11871 | THARCHYANEE A/P MANIAM - 84100307**** NO. 6E , JALAN GUNARATANA 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG | KATHIRAVELU A/L SEENIVASEN - 68111207**** 152-I TINGKAT LEMBAH RIA 1, MK 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | KAMALADEVI A/P GOVINDAN - 59051807**** NO.94 JALAN AYER ITAM, 10460 PULAU PINANG |
| 11878 | MOHAMAD IHSAN BIN SAZALI - 87071607**** 3-1-39 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | MOHD IZUWAN BIN SAZALI - 83060407**** 3-4-10 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | ISKANDAR BIN SAZALI - 91081007**** 3-1-39 LINTANG BAYAN 8, SRI DELIMA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| 11879 | MOHD HAZRAT BIN ISMAIL - 85113006**** MAKTAB RENDAH SAINS MARA 13200 KEPALA BATAS, SPU | NUR HAZLIZA BINTI ISMAIL - 83041306**** 3-11-05 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG | MOHAMAD RASYIDI BIN GHAZALI - 84032602**** NO. 6 LORONG RUPAWAN 4, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| 11883 | FADHILAH BINTI TALLIB - 93090907**** NO.262, LAHAR KEPAR, 13200 KEPALA BATAS, SPU | TALLIB BIN YAHAYA - 59033107**** NO.262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA | MOHD LUTFI BIN TALLIB - 86092335**** NO.262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA |
| 11885 | SALWANI BINTI SALIM - 75121207**** NO.1012, KAMPUNG BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM | ABDUL GANI BIN AHMAD - 76011907**** NO.6206 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA | SALLINDA BINTI SALIM - 86031135**** NO.1012 MUKIM 12, BAGAN NYIOR, JURU, 14100 BUKIT MERTAJAM |
| 11887 | AMIRA ZAWANI BINTI ZULKIFLI - 93050307**** NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM | ZULKIFLI BIN ISMAIL - 71112807**** NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM | KAMAL BIN SAMAH - T1076*** 8320 MMS, MENGKUANG MAK SULONG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM |
| 11888 | MUHAMMAD KHAIRI AZUAD BIN ABDUL RANI - 93082107**** BLOK F 3-03 KONDOMINIUM MUTIARA ASEANIA, JALAN PERDA BARAT , BANDAR BARU PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM | NOORANIZAH BINTI AZIZ - 73070907**** A-10-04 MENARA KOMANWEL A, VISTA KOMANVEL A, BUKIT JALIL 57700 KUALA LUMPUR | NOR HANANI BINTI ABU HASAN - 74052002**** NO. 20A JALAN KENARI, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG |
| 11890 | MOHAMMAD NAZRI BIN ARSHAD - 92111706**** 875 MUKIM 3 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH | NORHAZIMAH BINTI ARSHAD - 85103107**** NO.875 MUKIM 3, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH, SEBERANG PERAI TENGAH | ISMAIL BIN ABU SAMAH - 80080404**** M3-G-06 JALAN PERKASA 10/2, TAMAN PERKASA, HULU LANGAT 43100 SELANGOR |
| 11899 | SARIZANA BINTI HASSAN - 85092507**** NO.35, LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA | MOHD FADZLI BIN ROSLI - 82030507**** NO.35 LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 PERAI | AHMAD SUHAIMI BIN ZAINUDDIN - 86101802**** KBT B/7/2 KAMPUNG TEBENGAU, MUKIM TEBENGAU 06600 ALOR SETAR, KEDAH |
| 11901 | MUHAMMAD HAZWAN BIN OTHMAN - 93081907**** 12A, LORONG KUALA BEKAH 1/1, TAMAN KUALA BEKAH 13100 PENAGA, SPU | FARAWAHIDA BINTI A RASHID - 79030607**** NO.44 LORONG DESA KUALA MUDA 16, TAMAN DESA KUALA MUDA 13110 PENAGA, SPU | ABD MALEK BIN ABD AZIZ - 66041707**** NO.1325 JALAN KUALA MUDA 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA. |
| 11904 | KU NUR AMELIA KU DORIS - 88031407**** 8 GERBANG SUNGAI ARA 2A, TAMAN PAGAR BULUH, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | KAMARUZAMAN BIN SALIM - 58040802**** NO.10 LINTANG BERTAM INDAH 5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU | MOHAMAD ALI BIN OTHMAN - 61013107**** NO.5 LORONG BERTAM INDAH 8, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| 11914 | NUR NASLIZA ARINA BINTI MOHAMAD NASIR - 87073007**** NO.76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | ROSLIZA BINTI MD HUSSAIN - 66100507**** NO.76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG | ROSLIANA BINTI IBRAHIM - 84022207**** NO.240 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG |
| 11917 | NORSHAKIRAH BINTI AB MANAP - 91060407**** 589 JALAN TITI TIMBOL, KAMPUNG HAJI OMAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS | RUAZANI BIN AHMAD - 61070809**** NO.41A JALAN PALMA 2, TAMAN PALMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH | ZANARIAH BINTI ABD RAHMAN - 74030508****) NO.589 JALAN TITI TIMBOL, KAMPUNG HAJI OMAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS |
| 11919 | DARSHINI A/P BALU - 88050607**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA , PESIARAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | BALU A/L P SHATTAN - 58060907**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIARAN MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | KANTHINI A/P BALU - 86070535**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIARAN MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG |
| 11922 | ANTHONY ANDREAS BREHME A/L SUBRAMANIAM - 92081507**** BA 4-3 SPRINGFIELD CONDOMINIUM, LORONG KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG | PUNITHA SELVA REENA A/P SUBRAMANIAM - 86031235**** NO. 64 LALUAN JATI 3, TAMAN SRI MERU, JELAPANG 30020 IPOH, PERAK | PUNITHA VELLINA A/P SUBRAMANIAM - 82062507**** 3-1-3 DESA SELATAN APARTMENT, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG |
| 11923 | EZZAH HAZWANI BINTI ELIAS - 92100807**** NO.257 A MUKIM B , SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG | ELIAS BIN OMAR - 64120607**** 257 -A MUKIM B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG | ZAHARI BIN ISMAIL - 63090607**** 477 MK 3 , SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG |
| 11926 | NURSYASYA AFINA BINTI SUHAIMI - 94121107**** NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR | ROZITA BINTI MOHD ZAHARI - 64021608**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG SELANGOR | NOR ADILA BINTI AZMAN - 86122756**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG SELANGOR |
| 11933 | ZULKIFLI BIN MD YUSOP - 91060907**** 287 MK6 SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM | NORSHAHIDA BINTI MD YUSOP - 85062807**** NO.287 MK 6, SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM | MOHD REDWAN BIN MD YUSOP - 83110407**** NO.287 MK 6, SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 11937 | MOHD AZLY BIN ZULKAPLEE - 82082502**** E-1-11, PESONA APARTMENT, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI | NURUL ANIS BINTI ZULKAPLEE - 84083107**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH | FAIZAL BIN MD SAID - 84081807**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH |
| 11943 | MOHAMED ASHRAF B SHAIK MOHAMED - 86112235**** NO.96-16-09 TAMAN SINAR BUKIT DUMBAR, JALAN FARADAY 11700 GELUGOR, PULAU PINANG | MOHAMMAD SYAFIQ BIN ABDULLAH - 85030107**** NO.1774 KAMPUNG BARU, JALAN PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU | NORAINI BINTI ABDULLAH - 88122602**** NO.11A LORONG IMPIAN INDAH 3, TAMAN IMPIAN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM |
| 11960 | DIYANA BINTI MOHAMAD SALIM - 91081607**** NO.2091 MUKIM 13, SUNGAI GELUGOR 11700 GEORGETOWN, PULAU PINANG | MOHAMAD SALIM BIN A A ABDUL KASIM - 61040907**** BLOK 1-9-38 TAMAN SRI PINANG 10150 PULAU PINANG | MUHAMMAD ERSHAD BIN MOHAMAD SALIM - 86052235**** NO.2091 MUKIM 13, SUNGAI GELUGOR, 11700 PULAU PINANG |
| 11964 | ISA ABDUL HADI BIN MOHD SALLEH - 94080707**** NO.178 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG | ALI SYARI ATI BIN MOHD SALLEH - 85010307**** NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG | AMEEN HUSSAINI BIN MOHD SALLEH - 83052907**** NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG |
| 11989 | NUR FATINAINA BINTI A RAHIM - 92010307**** 1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SPU | MOHD FASAL BIN A RAHIM - 85011407**** NO.1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA | MOHAMAD ZAMRI BIN A RAHIM - 87091135**** NO.1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA |
| 11991 | EZEKIEL A/L GANASAN - 89121907**** 3-7-3 TAMAN SRI BUBGA, JALAN TAPAH 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG | GANASAN A/L MUTHU KUMARU - 67092107**** NO.3-7-3 TAMAN SRI BUNGA, JALAN TAPAH 11600 PULAU PINANG | THILATHAVATHY A/P SANGARAN - 86100135**** NO.274-2 JALAN MACALISTER 10400 GEORGETOWN, PULAU PINANG |




# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11998
Peminjam : SUNDARESAR A/L KUNASAGARAN - 91021907****
NO.11 LORONG MANGGA 2, TAMAN MANGGA, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SHAMALA A/P KUNASAGARAN - 85081207****
NO.20 LORONG SEMBILANG 10, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI
Penjamin 2 : MUGILEN A/L RAJENDRA - 90050307****
NO.181 TINGKAT KIKIK 6, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI

No Akaun : 12003
Peminjam : ARCHANAA A/P ARUNASALAM - 90021307****
NO. 2121 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : PARAMESWARAN A/L MOORTHY - 76071102****
NO.150 LORONG LEMBAH IMPIANA 4/2, TAMAN LEMBAH IMPIANA 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : KOGILAVANAR A/L LETCHIMANAN - 77110208****
NO.41 JALAN DESA AMAN S 16/2, TAMAN DESA AMAN 09300 SUNGAI KARANGAN, KEDAH

No Akaun : 12010
Peminjam : SAFFIRUL AMRI BIN SATAR - 92051507****
TBP 6829 MUKIM 20, MENGKUANG KERETAPI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SATARIYAH BINTI MAHMUD - 65072407****
TBP 6829 MUKIM 20, MENGKUANG KERETAPI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NORSIAH BINTI SAHID - 65051707****
NO.737 PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 12019
Peminjam : AHMAD RAZIN BIN SHAHUL HAMID - 92032507****
D-G-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHAMMAD AL-NUR BIN SHAHUL HAMID - 86110935****
2A-03-09 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAHUL HAMID BIN KALANTHER MASTAN - 65101507****
BLOK D-0-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 PULAU PINANG

No Akaun : 12031
Peminjam : HALIMATUNSAADIAH BINTI OTHMAN - 87072135****
630 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : NURULHASANAH BINTI OTHMAN - 80111907****
SB 748 UNIT 3, JARAK ATAS 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NURUL AIN BINTI OTHMAN - 81110907****
NO.630 PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 12040
Peminjam : LOGENESWARY A/P MURUGESAN - 95062407****
NO.22 LORONG 16 SS/2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : ESWARI A/P MURUGESAN - 78071707****
NO.22 LORONG 16 SS/2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : PADMINI A/P MURUGESAN - 82082907****
NO.16 LORONG MANGGA 16, TAMAN MANGGA, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12042
Peminjam : AMMAR ASYRAF BIN MOHD JAMIL - 95061308****
NO. 2 LORONG 4 , TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : MOHD JAMIL BIN MAT NANYAN - 68051602****
NO. 2 LORONG TASEK INDAH 4, TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : ROHAIZAT BIN AYOP – (MENINGGAL DUNIA)
1-4 BLOK A, JLN PUTRI GUNUNG 1, MUTIARA JAYA, BDR. TASEK MUTIARA, 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12053
Peminjam : MUHAMMAD MUSADDIQ BIN MANSOR - 89060407****
NO.10 LORONG SERI ACHEH 3, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : HAPSAH BINTI IBRAHIM - 62013110****
NO.10 LORONG SERI ACHEH 3, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : NORZALILAH BINTI HASHIM - 72032202****
NO. 25 TAMAN PELANGI, JALAN BHARU, PARIT BUNTAR 34200 PERAK

No Akaun : 12085
Peminjam : WAN AHMAD NAJAH BIN WAN AHMAD ZAKI - 96110126****
20 GERBANG SUNGAI ARA 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN AHMAD ZAKI BIN WAN ISMAIL - 65080802****
1C-G-5 TAMAN DESA BAYAN, JALAN MERBAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WAN AHMAD NABIL BIN WAN AHMAD ZAKI - 89101302****
11-1B JALAN PANDAN 3/10, PANDAN JAYA, 55100 KUALA LUMPUR

No Akaun : 12156
Peminjam : NURUL ATIKAH BINTI YAZID - 95100607****
3B-2-12 BJ COURT, JALAN RUMBIA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MAZLIANA BINTI SHAIK HUSSAIN - 70120707****
3B-2-12 BJ COURT CONDO, 3-B JALAN RUMBIA,BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : IZAD BIN ALHADI - 68042802****
NO.245 PINTASAN MAYANG 1, BUKIT GEDUNG. BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 12208
Peminjam : SATHYA SEELAN A/L ARUMUGAM - 92021407****
NO.32 MEDAN KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI
Penjamin 1 : SURENRAJ NADA A/L SUNTER - 92110901****
NO. 8 JALAN GU 3/8, TAMAN GARING UTAMA 48000 RAWANG, SELANGOR
Penjamin 2 : KALESWARY A/P PERIASAMY - 86071835****
NO.32 MEDAN KIKIK SATU, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI

No Akaun : 12215
Peminjam : ALIYA AFNAN BINTI MOHD NASIR - 91051707****
NO.1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN ISHAK - 60061202****
NO.1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : ZAMZURI BIN DAUD - 73050407****
T/S 10389 PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 11940
Peminjam : SARAH NAFISAH BINTI BORHANUDDIN - 93032914****
NO.2551 LENGKOK SUNGAI GELUGUR 1, SUNGAI GELUGUR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : BORHANUDDIN BIN HARUN - 64040814****
NO.2551 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 1, SUNGAI GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED SALIHIN BIN MOHAMED ALIDIN - 70102907****
NO.35 PERSIARAN MAYANG PASIR 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 12050
Peminjam : IKA FARIKAH AINANI BINTI MOHAMED YAMIN - 94051107****
2A-20-04 MUTIARA IDAMAN APARTMENT, SOLOK TENGKU 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED YAMIN BIN MOHAMED ALI - 59102607****
2A-20-04 MUTIARA IDAMAN APARTMENT, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD DZRIFF AKRAM BIN MOHAMED YAMIN - 89010707****
NO.10 SOLOK KAMPUNG JAWA 6, BANDAR BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG

# Kekalkan Pulau Pinang sebagai negeri berstatus industri – Rashid

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA -** Pulau Pinang perlu terus mengekalkan legasinya selama 40 tahun berstatus negeri perindustrian dan keusahawanan, ujar Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Hasrat itu dinyatakan beliau ketika berucap merasmikan Karnival Kerjaya Kelima dan Temu Duga Terbuka Industry Looking for Talent di sini baru-baru ini.

Katanya, selama tempoh tersebut, Pulau Pinang sememangnya sudah terkenal melalui zon perindustrian Bayan Lepas dan Perai.

"Dengan itu, syarikat-syarikat multinasional dan pelabur di negeri ini memang memerlukan bakat-bakat segar, kompetitif, berilmu serta berpengalaman.

"Pulau Pinang juga tidak mempunyai sumber asli seperti minyak, gas asli, balak dan sebagainya, kita cuma ada anda sebagai bakat. Justeru, peranan Kerajaan Negeri adalah membawa masuk pelabur-pelabur bagi menjana ekonomi negeri," katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Bendahari SME Seberang Perai, Leong Yook Kheong.

Karnival tersebut dianjurkan Pen Expo Event Sdn. Bhd. dan Persatuan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (SME) Seberang Perai.

Lebih 2,000 pengunjung, rata-ratanya dari wilayah utara hadir merebut peluang ditawarkan 15 syarikat swasta yang mengambil bahagian.

Afif ketika berucap memberitahu, penganjuran berkenaan merupakan satu peranan dimainkan pihak Kerajaan Negeri dalam menghubungkan para pencari kerja, terutamanya graduan baharu dengan majikan-majikan yang bertapak di Pulau Pinang.

"Diharap program ini juga dapat meningkatkan ekonomi individu dan sedikit-sebanyak memberi sumbangan dalam komuniti dan memperkembangkan sektor industri negeri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.



MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, lima dari kanan) dan Dr. Afif Bahardin (barisan depan, empat dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama wakil majikan yang mengambil bahagian dalam penganjuran Karnival Kerjaya Kelima dan Temu Duga Terbuka Industry Looking for Talents di sini baru-baru ini.






MAMMO PENANG

MAMMO PENANG
"Sayangi Wanita Pulau Pinang"

## Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Aug | 5 | Batu Maung | Perai | 6 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 12 | Seri Delima | Sungai Bakap | 13 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 19 | Pulau Betong | Berapit | 20 | Pengkalan Kota | Padang Lalang |
| | 26 | Dato Keramat | Bertam | 27 | Pulau Tikus | Jawi |
| Sep | 2 | Hari Raya Haji | | 3 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 9 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir | 10 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 16 | Malaysia Day | | 17 | | |
| | 23 | Bayan Lepas | Machang Bubok | 24 | Batu Uban | Pinang Tunggal |
| Oct | 30 | Komtar | Pmtg Berangan | 1 | Bagan Dalam | Sungai Dua |
| | 7 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 8 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 14 | Teluk Bahang | Penaga | 15 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |
| | 21 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 22 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 28 | Padang Kota | Bukit Tambun | 29 | Batu Maung | Perai |
| Nov | 4 | Air Putih | Bagan Jermal | 5 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 11 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 12 | Pulau Betong | Berapit |
| | 18 | Pulau Tikus | Jawi | 19 | Dato Keramat | Bertam |
| | 25 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 26 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |

# 51% kediaman bertingkat, 30% kediaman bertanah patuhi dasar asing sisa sejak 1 Jun - Exco

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BATU UBAN** - Secara umumnya, sebanyak 51 peratus kediaman bertingkat dan 30 peratus kediaman bertanah mematuhi arahan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca sejak ia mula dikuatkuasakan pada 1 Jun lalu.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika membuat pemantauan di salah sebuah kediaman bertingkat di sini baru-baru ini.

Menurut Kon Yeow, peratusan tersebut adalah berdasarkan data rawak diperoleh daripada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang menjalankan pemantauan di 152 skim kediaman bertingkat serta beberapa kawasan kediaman bertanah sebelum Aidilfitri lalu.

"Daripada 1,253 skim kediaman bertingkat di seluruh kawasan pulau, sejumlah 152 (skim) telah dipantau dan 78 daripadanya, iaitu 51 peratus mematuhi dasar pengasingan ini.

"Manakala, bagi kediaman bertanah, hanya 30 peratus sahaja mematuhi arahan ini. Walau bagaimanapun, ini bukanlah bererti kita gagal kerana ia (dasar) baru sahaja bermula.

"Kediaman bertanah tidak seperti kediaman bertingkat yang persekitarannya dapat dikawal, tetapi kita (Kerajaan Negeri) akan terus memperhebatkan publisiti, pemantauan dan program-program kesedaran," ujarnya ketika membuat pemantauan di beberapa kediaman bertingkat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan, Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan wakil- wakil jabatan MBPP.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, pemantauan dilakukan demi memastikan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dipatuhi semua isi rumah di Pulau Pinang.

"Untuk kediaman bertingkat, pemantauan dijalankan bagi memastikan adakah Badan Pengurusan Bersama (JMB) telah mula mengambil tindakan sewajarnya dengan menyediakan kawasan serta bekas khas untuk penghuni mengasingkan sisa.

"Manakala, bagi kediaman bertanah, pihak MBPP akan melekatkan pelekat khas dasar ini di setiap tong sampah isi rumah unit kediaman yang gagal mematuhi arahan dasar berkaitan sebagai makluman lanjut," jelasnya.




**AR. Yew Tung Seang menunjukkan contoh pelekat khas yang akan dilekatkan di setiap tong sampah isi rumah kediaman bertanah sebagai makluman pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di negeri ini.**

## Kumpul minyak masak terpakai, jana pendapatan sampingan

**BAGAN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini mengambil inisiatif melancarkan Kempen Mengumpul Minyak Masak Terpakai di Pangsapuri Sri Mekar 1, dekat Mak Mandin di sini.

Menurut Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, antara objektif utama kempen tersebut adalah untuk menggalakkan orang ramai, khususnya penduduk setempat menjana pendapatan sampingan.

Hal ini, katanya, setiap kilogram (kg) minyak masak terpakai yang disumbangkan melalui kempen berkaitan, RM1 akan diberikan kepada penyumbang.

"Lagipun, adalah amat bahaya untuk kesihatan manusia sekiranya minyak masak terpakai digunakan secara berulang kali.

"Justeru, kempen ini merupakan inisiatif yang bukan sahaja mampu menjana pendapatan serta menjaga kesihatan, malah juga bagi memelihara alam sekitar.

"Apabila minyak masak ini dikumpulkan, ia akan dijualkan kepada syarikat biodiesel atau dijadikan sabun yang juga boleh membantu komuniti menjana pendapatan," katanya yang juga Pengerusi Penang Green Council (PGC) iaitu sebuah pertubuhan kerajaan bukan laba yang melaksanakan inisiatif hijau di negeri ini.

Hadir sama, Setiausaha MPSP, Ir. Rosnani Mahmod.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu, kempen tersebut turut diperluaskan di Pangsapuri Tanjung Indah, Taman Bagan Lalang dan Pasar Awam Taman Selamat.

"Saya harap dengan berjalannya kempen ini, ia akan memudahkan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan longkang akibat minyak masak terpakai yang dibuang ke dalam sinki di sesebuah kawasan perumahan," jelasnya.

Pada majlis sama, MPSP turut mengagihkan bekas mengumpul minyak masak terpakai kepada para penduduk di pangsapuri berkaitan.



**PHEE Boon Poh (kanan sekali), Ir. Rosnani Mahmod (tiga dari kiri) serta pihak-pihak berkaitan menuangkan minyak masak terpakai ke dalam tong pengumpulan sebagai gimik pelancaran kempen tersebut di sini baru-baru ini.**

## Amal pengasingan sisa, bendung wabak denggi




**DR. T. Jayabalan (empat dari kiri) dan barisan jemputan khas melancarkan gimik Majlis Perasmian Pengasingan Sisa Di Punca bagi peringkat komuniti Apartment Centrio Avenue di sini baru-baru ini.**

**BATU UBAN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan menyarankan orang ramai khususnya penduduk di rumah pangsa bertingkat untuk segera mengamalkan pengasingan sisa di punca di kediaman masing-masing.

Menurut beliau, inisiatif pengasingan sisa telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2016 dan Dasar Pengasingan Sisa di Punca dikuatkuasakan secara mandatori mulai Jun 2017.

"Dunia kita hari ini melalui satu perubahan cuaca amat serius sehingga mengakibatkan peningkatan suhu bumi rentetan penipisan lapisan ozon.

"Saya percaya, melalui inisiatif pengasingan sisa di punca, sedikit-sebanyak mampu menangani masalah tersebut," ucapnya pada Program Pengasingan Sisa Di Punca dekat Dewan Komuniti Apartment Centrio Avenue, Sungai Gelugor di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Ar. Yew Tung Seang.

Tambah Jayabalan, selepas lawatannya ke tapak pelupusan sisa pepejal di Pulau Burong Seberang Perai Selatan (SPS), beliau mendapati kawasan bahawa tersebut 'membebaskan' gas metana yang bukan sahaja memberikan ancaman kepada manusia, malah alam sekitar.

"Pembuangan sampah yang tidak terkawal dan tanpa pengasingan menyebabkan proses pengeluaran gas metana tinggi...bahan-bahan seperti plastik juga tidak terurai, dan jika tidak dimulakan (pengasingan sisa di punca), masa hadapan anak-anak kita pasti suram," jelasnya.

Dalam pada itu, Jayabalan turut menyeru supaya penduduk di sini supaya mengasingkan sisa kepada sisa boleh dikitar semula dan sisa domestik.

"Juga, memastikan pembuangan tin-tin dan botol minuman atau sebarang bekas yang boleh menakung air dibuang dengan betul.

"Hal ini kerana, tin minuman misalnya, mampu menakung air dan secara langsung boleh menjadi 'lubuk' pembiakan nyamuk aedes.

"Jadi, langkah mudah yang kita boleh lakukan ialah asingkan sisa di rumah kepada dua bahagian iaitu boleh dikitar semula dan tidak boleh dikitar semula," ujar beliau.

# Amalkan 10,000 langkah sehari untuk kekal sihat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Orang ramai disarankan supaya membudayakan amalan berjalan 10,000 langkah sehari untuk kekal sihat.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng ketika menyuarakan saranan itu berkata, dalam usaha membentuk sebuah negeri yang warganya sihat, orang ramai khususnya golongan belia disarankan supaya mengamalkan berjalan 10,000 langkah sehari.

"Kalau anda tidak mampu berlari, anda boleh mulakan dengan berjalan kaki, mulakan dengan langkah yang 'kecil' dan lama-kelamaan anda mampu berjalan 10,000 langkah sehari.

"Begitu juga mereka yang kerja di pejabat, anda boleh mengambil peluang menggunakan tangga daripada menggunakan lif," sarannya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah kepada pemenang acara *Penang Run 2017* dekat Jalan Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.



**PARA peserta menunjukkan medal yang dimenangi.**

Turut berucap, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengerusi Penganjur Penang Run 2017, Andrew Loh.

Chong Eng dalam ucapannya memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini menyusun pelbagai acara sukan yang sesuai untuk semua peringkat umur.

"Malah, saya juga ingin menggesa mana-mana penganjuran acara sukan selepas ini turut mengadakan acara bersama keluarga.

"Contohnya, acara larian, wujudkan juga kategori larian gembira bersama keluarga, jadi kita akan dapat lihat satu keluarga meluangkan masa melakukan aktiviti yang sihat.

"Bukan hanya bapa atau ibu sahaja yang menyertai acara larian, tetapi juga anak-anak...inilah yang Kerajaan Negeri mahu, seluruh ahli keluarga mengamalkan gaya hidup sihat.

"Kerajaan Negeri mahu ia dijadikan trend dan ikutan bukan sahaja di Pulau Pinang juga di seluruh negara," ujarnya.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif (berdiri, empat dari kanan) merakamkan gambar kenangan bersama-sama peserta yang berjaya menamatkan acara *Penang Run 2017* di sini baru-baru ini.**

Sementara itu, Maimunah yang turut menyertai larian ria 4 kilometer berasa teruja dengan sambutan yang diberikan.

"Saya difahamkan acara Penang Run Edisi Ke-10 ini menerima penyertaan 4,500 peserta dari 20 negara seluruh dunia.

"Malah, saya sendiri tadi berkesempatan berjumpa dengan salah seorang pelari dari Tokyo, Jepun yang datang ke Pulau Pinang semata-mata untuk menyertai *Penang Run* ini," katanya.

Sebagai rekod, acara *Penang Run* dimulakan pada tahun 2013 dan tahun ini merupakan edisi ke-10 diadakan.

## Layak ke Piala Dunia Gothia, *Black Panthers* terima RM5,000 suntikan moral

**GEORGE TOWN –** Pasukan bola sepak Pulau Pinang Bawah 14 Tahun, *Black Panthers* menerima suntikan dana RM5,000 daripada Kerajaan Negeri sebagai persiapan ke perlawanan Piala Dunia Gothia di Shenyang, China pada 13 hingga 19 Ogos ini.

Sumbangan tersebut disampaikan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng sambil disaksikan Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Zairil Khir Johari di sini baru-baru ini.

"Saya mewakili FAP mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas sumbangan kepada *Black Panthers* yang bakal membawa cabaran negara ke Piala Dunia Gothia.




**CHONG Eng (empat dari kiri) beramah-mesra dengan para pemain Pulau Pinang Bawah 14 Tahun sambil diperhatikan Zairil Khir Johari (empat dari kanan) di sini baru-baru ini.**

"Difahamkan, *Black Panthers* merupakan pasukan pertama di Malaysia yang layak secara merit ke pertandingan peringkat dunia (remaja) seperti ini.

"*Black Panthers* layak setelah memenangi Piala Jeonsa serta Piala Jemputan Antarabangsa Pra-Kelayakan Gothia yang berlangsung di Kuala Lumpur pada Februari dan Mac lalu," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, wakil Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mutiara Impian (sekolah sukan negeri Pulau Pinang), Mohd. Khairul Abd. Khair yang mengiringi empat pemain pasukan berkenaan.

Seiringan dengan pencapaian *Black Panthers,* Zairil memberitahu, Pasukan Bawah 16 Tahun Pulau Pinang juga tidak kurang hebatnya apabila daripada dua kejohanan disertai, masing-masing menobatkan pasukan tersebut sebagai juara dan naib juara.

"Kejayaan tersebut membolehkan mereka bertanding di satu kejohanan lagi di Singapura baru-baru ini, dan mereka layak hingga ke separuh akhir.

"Malah, kejohanan itu turut disertai beberapa pasukan handalan dunia yang mempunyai pusat akademi hebat seperti Fulham (England), Sporting Lisbon (Portugal), Bangkok United (Thailand) dan lain-lain lagi," ujarnya.



# 1,000 peserta jayakan *I ♥ Penang Unity Walk*



PARA peserta sedang melakukan senaman memanaskan badan sebelum memulakan acara utama.



MOHD. Rashid Hasnon, Abdul Malik Abul Kassim (kedua-dua mengibarkan bendera Malaysia) bergambar kenangan bersama-sama para peserta penganjuran *I ♥ Penang Unity Walk 2017* di sini baru-baru ini.

**BERSATU...** Kira-kira 1,000 peserta pelbagai latar belakang menyertai penganjuran *I ♥ Penang Unity Walk 2017* bertempat di Taman Sunway Tunas, Sungai Ara baru-baru ini.

Aktiviti tersebut adalah sebahagian daripada program Saya ♥ Pulau Pinang yang diperkenalkan Kerajaan Negeri semenjak awal tahun ini sebagai bantahan menjadikan Pulau Pinang sebuah Wilayah Persekutuan.

Hadir menyempurnakan pelepasan peserta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Sejurus melakukan pelepasan peserta, Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak turut bersama-sama para peserta berjalan kaki sejauh 5 kilometer (km).

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang juga ADUN Batu Maung dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Tengah, Teh Kim Chuan.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.







# Walimatul'urus Perdana 2.0, rai 22 pasangan mempelai



ANTARA ahli keluarga pasangan mempelai yang sibuk menyusun bunga telur untuk diberikan kepada tetamu.



PASANGAN raja sehari berarak turun dari bas pelancongan Penang HOHO menuju ke Masjid An-Nur di Kampung Titi Teras.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING & PPK**

**PULAU BETONG –** Seramai 22 pasangan pengantin diraikan serentak dalam majlis penuh gemilang, Majlis Walimatul'urus Perdana 2.0 (WUP 2.0) yang diadakan di perkarangan Masjid An-Nur, Kampung Titi Teras dekat sini baru-baru ini.

Rata-rata pasangan mempelai yang ditemui berasa teruja apabila terpilih untuk menyertai majlis perkahwinan beramai-ramai anjuran Pejabat Timbalan Ketua Menteri I, Jawatankuasa Kebajikan dan Kesejahteraan Keluarga, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong.

Pada majlis berkaitan, pasangan raja sehari dibawa berarak menaiki bas pelancongan, *Penang Hop Off Hop On* (HOHO) dari Masjid Daerah Barat Daya ke Masjid An-Nur sejurus majlis ijab kabul jama'ie selesai.

Kesemua pasangan pengantin diijabkabulkan oleh tiga jurunikah dari MAINPP.

Mereka kemudiannya disambut dengan paluan kompang, bunga manggar dan persembahan silat pendekar sebelum diarak masuk bagi majlis santapan mempelai secara beramai-ramai di pentas utama.

Hadir meraikan pasangan mempelai, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Datin Nor Azizah Haron; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Timbalan Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Abdul Halim Hussain dan Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid

Pengarah WUP 2.0 yang juga Ahli Majlis MAINPP, Mohd. Tuah ketika ditemui berkata, majlis perkahwinan secara beramai-ramai tersebut diadakan buat kali kedua setelah mendapat sambutan amat menggalakkan terutamanya daripada pasangan muda yang ingin mendirikan rumahtangga.

"Sebelum ini, pada tahun 2015, 18 pasangan pengantin terpilih diraikan dan tahun ini, 22 pasangan pengantin terpilih pula diraikan dalam majlis yang penuh gemilang.

"Tujuan asal penganjuran majlis ini adalah bagi membantu golongan belia, khususnya untuk mendirikan rumahtangga tanpa mengeluarkan belanja yang tinggi di samping dapat melakar sejarahnya tersendiri.

"Lagipun kahwin beramai-ramai macam ni lebih meriah," ujarnya yang juga PPK Pulau Betong.

Difahamkan, setiap pasangan hanya perlu mengeluarkan belanja RM2,300 sebagai bayaran penyertaan yang merangkumi urusan akad dan nikah, perkhidmatan jurunikah, penyediaan makanan, acara makan beradab dan kad undangan perkahwinan. Setiap pasangan boleh menjemput sehingga 300 tetamu untuk hadir memeriahkan majlis perkahwinan masing-masing.

MOHD. Rashid Hasnon (berdiri, lima dari kiri) dan isteri serta Mohd. Tuah Ismail (berdiri, empat dari kanan) beramah-mesra dengan pasangan pengantin di meja makan beradab. Turut kelihatan Halil Sabri Hamid (berdiri, dua dari kanan).





AKAD nikah yang disempurnakan oleh jurunikah MAINPP di Masjid Daerah Barat Daya.



SUASANA kemeriahan majlis Walimatul'urus Perdana 2.0 dekat sini baru-baru ini.



KAUM ibu menjadi 'tulang belakang' dalam menyediakan hidangan pengantin secara bergotong-royong.



MOHD. Tuah Ismail (duduk) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur di Masjid Daerah Barat Daya.

# Kontraktor binaan perlu patuhi syarat PBT

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG -** Semua kontraktor binaan terutama di tanah-tanah persendirian mesti mematuhi syarat-syarat ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berwajib.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ahmad Razaaim Azimi berkata, semua kontraktor binaan khususnya di tanah-tanah persendirian perlu mematuhi semua syarat yang telah dipersetujui bersama bagi memastikan kelancaran projek pembinaan dijalankan.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sesi pemantauan di salah sebuah tapak binaan dekat tanah persendirian berdekatan Jalan Tun Sardon yang dipercayai telah melanggar syarat dipersetujui.

"Bagi pihak Majlis (MBPP), kami akan sentiasa mengadakan pemantauan untuk pastikan kontraktor mematuhi syarat-syarat yang telah dipersetujui sebelum memulakan sebarang kerja-kerja binaan.

"(Dan) di sini kita dapat lihat bahawa kontraktor ini telah melewati sempadan binaan, dan dipercayai telah memotong besi pembahagi jalan di sini.

"Difahamkan, pihak MBPP juga telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja pada bulan Mei lalu, namun malangnya, hasil pemantauan lanjut, kontraktor terbabit didapati masih menjalankan kerja-kerja binaan dan ini bukan sahaja salah, malah mendatangkan bahaya kepada pengguna jalan raya di sini," ujarnya yang turut ditemani rakan sepenjawat, Gooi Seong Kin.

Tambah Ahmad Razaaim, pihak MBPP kini masih menunggu arahan selanjutnya daripada mahkamah, dan sekiranya kontraktor tersebut didapati bersalah atau melanggar mana-mana syarat yang dipersetujui, mereka boleh dipenjara dan denda maksimum sehingga RM50,000.

"Hantar pelan cadangan projek dan buat permohonan menggunakan saluran yang betul, bukannya melakukan kerja secara tidak sah.

"Bukan Kerajaan Negeri dan MBPP tidak laksanakan tugas, tetapi ada dalam kalangan kontraktor yang dipercayai telah melakukan kerja-kerja binaan secara tidak sah.

"(Dan) seperti yang saya katakan tadi, jika disabitkan kesalahan, kontraktor terbabit perlu bertanggungjawab," tegasnya yang turut menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBPP 'lepas tangan'.

Dalam pada itu, Seong Kin yang ditemui turut bersetuju dengan Ahmad Razaaim bahawa pihak kontraktor perlu mematuhi syarat yang telah ditetapkan.

"Tidak tahu, bukannya alasan yang wajar apabila kontraktor tersebut disabitkan kesalahan.

"Sepatutnya selaku kontraktor binaan, segala syarat-syarat dan undang-undang telahpun sedia maklum.



**AHMAD Razaaim Azimi (kiri sekali) bersama-sama Gooi Seong Kin (bertopi) ketika mengadakan pemantauan di tapak berkaitan di sini baru-baru ini.**

"(Dan) pihak MBPP memandang serius kes-kes sebegini," tegasnya.

Turut sama pada sesi pemantauan tersebut, wakil Jabatan Kejuruteraan MBPP.

Difahamkan kontraktor terbabit kini disiasat di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 113), Seksyen 70A iaitu kerja tanah termasuklah mengorek, meratakan, menimbus, menanam cerucuk, membina asas, menebang pokok atas mana-mana tanah atau perbuatan menggangu tanah.

Jika disabitkan kesalahan, denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

## Tuisyen percuma bantu tingkatkan prestasi subjek kritikal

**TELUK BAHANG –** Sebagai inisiatif bagi membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek kritikal seperti Sains dan Matematik, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Penggerak Komuniti Muda (PEKA) telah mewujudkan pusat tuisyen percuma dekat Dewan Taman Manggis Indah, Balik Pulau di sini.

Ahli Majlis bagi MBPP, Nur Zarina Zakaria yang bertanggungjawab menggembleng usaha tersebut sejak tiga tahun lalu teruja apabila usahanya direalisasikan tahun ini.

"Buat masa ini, kita menerima kira-kira 48 murid tahun empat, lima dan enam, dan jumlah ini sangat menggalakkan selain menerima respons yang baik daripada ibu bapa.

"Hinggakan ada yang meminta kami untuk menambah subjek lain dan diadakan juga pada cuti penggal persekolahan bagi mengisi masa cuti dengan lebih berfaedah," ujarnya ketika ditemui pada Majlis Jamuan Aidilfitri dan Perasmian Pusat Tuisyen Percuma Taman Manggis di sini baru-baru ini.



**NUR Zarina Zakaria (bertudung ungu) memerhatikan proses pendaftaran pada Majlis Perasmian Pusat Tuisyen Percuma Taman Manggis di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Penolong Pegawai Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Amir Ali dan wakil PEKA, Adam Adli.

Tambah Zarina, pencapaian pelajar yang mengikuti tuisyen percuma tersebut turut dipantau dalam memastikan peningkatan prestasi tercapai.

"Selain akademik, kita juga menerima permintaan untuk diadakan kelas-kelas tarian kanak-kanak serta kelas masakan bagi membantu golongan ibu khususnya suri rumah sepenuh masa," jelasnya.

Dalam pada itu, Adam ketika berucap memaklumkan bahawa sungguhpun pusat tuisyen tersebut adalah percuma, namun pihaknya menyediakan tenaga pengajar dan modul terbaik dalam menjamin kualiti.

"Pembelajaran menggunakan modul pendekatan baharu juga mampu menjadikan pelajar bersosial secara sihat sambil mendapatkan ilmu," katanya.



# Padang Esplanade dijangka buka semula Oktober

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerja-kerja naik taraf padang Esplanade yang mengambil masa enam bulan kini memasuki fasa akhir, dan dijangka dibuka semula kepada orang ramai Oktober ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek bernilai RM2 juta hasil pembiayaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) itu adalah merangkumi kerja-kerja pemasangan *sub-oil drainage*, penggantian *top-soil*, pembinaan perimeter saliran tambahan, pembesaran parit sedia ada dan penanaman semula rumput.

"Kini, kerja-kerja menaik taraf memasuki fasa akhir dan dijangka dapat dibuka semula kepada orang ramai awal Oktober ini.

"Selepas kerja-kerja (menaik taraf) ini siap kelak, Majlis akan mengeluarkan garis panduan baharu bagi penggunaan padang demi melindungi sistem perparitan baharu daripada rosak," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika melakukan lawatan tapak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjong, Ng Wei Aik, Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan S. Bharati (Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri, CMI).

Tambah Kon Yeow, setelah kerja-kerja menaik taraf padang tersebut siap, fokus akan diberikan kepada kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf tembok laut sepanjang 600 meter.

"Kerja-kerja menaik taraf tembok laut ini adalah meliputi kawasan *Royal Malaysian Navy* di Jalan Tun Syed Sheikh Barakbah hingga ke Astaka Medan Renong.

"Anggaran kos adalah kira-kira RM800,000. Namun, setelah kerja-kerja di tapak dimulakan, baharulah kita mengetahui kos sampingan sebenar berdasarkan keadaan terkini tembok tersebut," jelasnya.



CHOW Kon Yeow (berkemeja kuning), barisan kepimpinan MBPP dan wakil-wakil terlibat meneliti struktur tembok laut yang bakal dinaik taraf dalam tempoh terdekat di sini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan, pada September 2016, *George Town Special Area Plan* (GTSAP) telah digazetkan bagi melindungi, mengawal serta meningkatkan kegunaan ruang awam dan bangunan terpilih di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO termasuk Fort Cornwallis.

"Kerja-kerja menaik taraf kawasan padang, tembok laut, ruang pejalan kaki awam dan landskap adalah sebahagian yang terkandung di dalam GTSAP.

"Kos keseluruhan untuk menaik taraf semua kawasan terlibat adalah kira-kira RM15 juta hingga RM20 juta, yang mengambil masa kira-kira 24 bulan untuk disiapkan.

"Kos ini akan dibiayai oleh *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) yang terdiri daripada tiga pihak iaitu CMI, Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan *Aga Khan Trust for Culture*," jelas beliau.



KEADAAN padang Esplanade yang kini memasuki fasa akhir proses dinaik taraf.

# Datuk Bandar guna mod pengangkutan alternatif ke mesyuarat

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**MOD PENGANGKUTAN ALTERNATIF...** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif baru-baru ini melakukan kayuhan santai menggunakan perkhidmatan basikal *Link Bike* bagi menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan di sini.

Kayuhan santai tersebut turut diiringi Ahli-ahli Majlis MBPP, Ketua-ketua Jabatan dan anggota-anggota penguat kuasa MBPP.

Selain pertama kali menggunakan perkhidmatan berkaitan, Maimunah menyatakan bahawa dengan cara tersebut (kayuhan), beliau boleh membuat penilaian terhadap mod pengangkutan tersebut yang diperkenalkan dalam kawasan George Town.

"Ini adalah pertama kali saya mencuba perkhidmatan ini, kebetulan saya perlu menghadiri mesyuarat di Dewan Bandaraya, Padang Kota Lama.

"Selepas ini, bolehlah saya membuat penilaian berhubung mod pengangkutan ini dan mempromosikannya," ujarnya yang ditemui sebelum melakukan kayuhan santai tersebut di sini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif dan barisan kepimpinan MBPP bergambar kenangan di hadapan Dewan Bandaraya selepas menamatkan kayuhan santai di sini baru-baru ini.

Kayuhan tersebut adalah bermula di Lebuh Lintang melalui Jalan Dr. Lim Chwee Leong, Lebuh Carnarvon, Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Light dan tiba di Padang Kota.

## MBPP, MPSP terima penarafan 5 bintang SSR-PBT

**GEORGE TOWN –** Dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing berjaya mencapai penarafan lima bintang dalam Sistem Star Rating (SSR)-PBT bagi tahun 2016 oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Perkara tersebut diumumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Katanya, penarafan tersebut diperoleh apabila kedua-dua PBT berkenaan mempamerkan prestasi cemerlang terhadap kriteria ditetapkan meliputi pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan, penyertaan komuniti dan pandangan penduduk.

"Kedua-dua PBT menunjukkan peningkatan membanggakan apabila memperoleh penarafan lima bintang bagi tahun 2016.

"Jika tahun sebelumnya, MBPP dan MPSP hanya memperoleh empat bintang untuk dua tahun berturut-turut iaitu pada 2011 dan 2013, manakala tiga bintang (2008).

"Ini merupakan kejayaan memberangsangkan.

"Tahniah untuk semua kakitangan dan warga pengurusan MBPP dan MPSP," ujarnya ketika memaklumkan perkara tersebut selepas senarai penuh pemenang (PBT) diumumkan menerusi Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang bersidang 10 Julai lalu.

Sebanyak 41 daripada 101 PBT di Semenanjung Malaysia dan Labuan telah mencapai penarafan lima bintang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa MBPP merupakan antara PBT yang menerima markah tertinggi.

"Ini adalah pencapaian baik yang perlu dikongsi dengan semua yang telah bertungkus lumus, bukan sahaja warga MBPP dan MPSP, malah Ahli-ahli Majlis, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan warga negeri Pulau Pinang," kata beliau.

# Tiga inisiatif penting manfaat komuniti Air Itam




WONG Hon Wai (dua dari kiri) bersama-sama JKKK dan Briged Wanita Jalan Masjid Negeri pada Majlis Temu Rapat dan Jamuan Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini. *(Gambar Ihsan : ADUN).*

**AIR ITAM -** Pelebaran Jalan Masjid Negeri daripada dua lorong kepada tiga lorong, pelebaran jalan dekat Lorong Batu Lanchang dan penubuhan perpustakaan digital pertama di Malaysia, *Penang Digital Library* (PDL) merupakan tiga inisiatif penting oleh Kerajaan Negeri terhadap komuniti setempat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai ketika ditemui berkata, ketiga-tiga inisiatif tersebut bukan sahaja memanfaatkan komuniti di Jalan Masjid Negeri, malah juga kepada komuniti di Jalan Cheeseman, Jalan Grove, Lorong Batu Lanchang dan penduduk di Air Itam amnya.

"Pelebaran Jalan Masjid Negeri telah siap baru-baru ini, manakala Lorong Batu Lanchang siap tahun lalu, begitu juga perpustakaan digital pertama di Malaysia, PDL yang kini beroperasi 24 jam sehari.

"Kawasan di Jalan Masjid Negeri ini juga memang padat dengan 750 unit kuarters Kerajaan Negeri yang menempatkan pegawai-pegawai kerajaan, juga rumah-rumah teres, rumah-rumah kedai, sekolah dan sebagainya.

"Uniknya kawasan di Air Itam ini merupakan kawasan yang paling ramai didiami oleh penjawat awam.

"Jadi, dengan pelebaran jalan di sini, saya harap aliran trafik sesak dapat diredakan memandangkan ia merupakan jalan utama terpenting di sini," ujarnya pada Majlis Temu Rapat dan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Jalan Masjid Negeri di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Hon Wai berharap agar komuniti di sini dapat memanfaatkan kemudahan dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

"Saya mahu melihat komuniti di sini menggunakan kemudahan yang ada di PDL, saya menyeru supaya mereka menggunakan fasiliti serba canggih di PDL bukan sahaja untuk mendapatkan maklumat baharu, tetapi mempelajari sesuatu yang baharu untuk memajukan kendiri.

"Lagipun inisiatif ini adalah daripada Kerajaan Negeri untuk rakyatnya," katanya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.

Majlis serba ringkas tetapi meriah itu turut dihadiri oleh Pengerusi JKKK Jalan Masjid Negeri, Mohd. Farook; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid; ahli-ahli JKKK dan Briged Wanita Jalan Masjid Negeri, badan-badan bukan kerajaan (NGO) jemputan serta komuniti setempat.

---

## Demi keselamatan orang ramai, ADUN ganti tanam pokok fukugi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SERI DELIMA –** Beberapa pohon pokok fukugi atau nama saintifiknya, *Garcinia Subelliptica* ditanam bagi menggantikan pokok-pokok buluh yang ditebang atas faktor keselamatan di taman dekat Lorong Delima 9, Seri Delima di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer berkata, beberapa pokok lain turut dipangkas bagi menjamin keselamatan pengunjung di taman tersebut.

"Selain nampak lebih kemas dan indah, pokok yang dipangkas juga adalah bagi menjaga keselamatan pengunjung di taman ini, terutamanya kanak-kanak.

"Tambahan pula, ada dalam kalangan penduduk yang pernah terserempak dengan beberapa individu tidak dikenali menyorok di belakang pokok buluh...juga ular yang boleh mengundang bahaya kepada sesiapa sahaja termasuk kanak-kanak yang bermain di sini," ujarnya ketika mengadakan lawatan khas di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), D.R. Kala dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Tambah Rayer, pihaknya tiada pilihan lebih baik selain memangkas terus pokok-pokok buluh yang terdapat di sini dan menggantikannya dengan pokok fukugi.

"Pokok fukugi ini selamat dan mampu memberikan teduhan yang lebih sempurna, lagipun, ia (pokok ini) tidak memerlukan penjagaan yang khusus," jelasnya.

Difahamkan penggantian pokok fukugi tersebut memerlukan kira-kira empat bulan untuk diselesaikan.



R.S.N. Rayer (tiga dari kiri) bersama-sama kakitangan Jabatan Landskap MBPP dan penduduk setempat menanam pokok fukugi sambil diperhatikan D.R. Kala di sini baru-baru ini.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# *#BMyHomeTown* promosi warisan tidak ketara pekan Bukit Mertajam

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BERAPIT -** Jalanan santai sejauh 1.1 kilometer (km) *#BMyHomeTown* yang disertai kira-kira 100 komuniti setempat dan kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini mengisahkan mengenai lima destinasi pelancongan warisan menarik di sekitar Pekan Bukit Mertajam di sini.

Atas tujuan itu, Timbalan Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPSP, Nur Faradila Fahruddin memberitahu, pihaknya turut menerbitkan risalah '*BM Walk Discover Hidden Route Map*' demi mempromosi keunikan warisan tidak ketara yang terdapat di pekan lama di sini.

"Tujuan kita mengadakan program ini adalah untuk mempromosi sejarah Bukit Mertajam, pada setiap hentian akan kita dengar pelbagai pengkisahan yang mungkin kita tidak pernah dengar sebelum ini, apakah nilai sejarah yang menarik di sebalik pembangunan perbandaran Pekan Bukit Mertajam," ujarnya yang mengetuai Ketua Pasukan #BMyHomeTown pada penganjuran berkaitan.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong hadir menyempurnakan acara pelepasan peserta, dari perkarangan Sekolah Tinggi Jit Sin yang didirikan seawal tahun 1959 dan merupakan salah satu mercu identiti pekan lama Bukit Mertajam.

Dari sini, semua peserta berjalan ke Kuil Tua Pek Kong, Pasar Bukit Mertajam, kediaman bekas Ketua Menteri Tan Sri Datuk Wong Pow Nee dan Sin Wen Heng Claypot, sambil mendengar sendiri pengkisahan menarik mengenai tiap-tiap destinasi tuju warisan tidak ketara tersebut.

Jason H'ng Mooi Lye, Heng Yeh Shiuan dan K. Kumar merupakan antara Ahli Majlis MPSP yang hadir menyertai program buat julung kalinya dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bersama-sama komuniti setempat Pekan Lama Bukit Mertajam.



**STEVEN Sim Chee Keong (barisan depan, dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para peserta program *#BMyHomeTown* di perkarangan Sekolah Tinggi Jit Sin di sini baru-baru ini.**

## Eratkan silaturahim melalui amalan asing sisa di punca


**WONG Hon Wai dan komuniti setempat yang mengambil bahagian dalam program Gotong-royong Muhibah Flat Desa Mawar di sini baru-baru ini. *(Gambar Ihsan : ADUN).***

**AIR ITAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai percaya bahawa amalan pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan secara gotong-royong membabitkan semua komuniti setempat mampu mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan penduduk Flat Desa Mawar di sini.

Justeru, beliau mencadangkan Jawatankuasa Kemajuan dan Kesemalamat Komuniti (JKKK) Jalan Thean Teik supaya saling bekerjasama dengan Pejabat Pusat Khidmat ADUN Air Itam untuk mengadakan lebih banyak program kitar semula serta kerja-kerja pembersihan sekitar kawasan kediaman penduduk setempat kelak.

"Sekiranya setiap daripada kita dapat meluangkan sedikit masa setiap minggu untuk kerja-kerja amal serta komuniti, maka komuniti kita akan lebih ceria dan semangat sukarelawan ini dapat mempereratkan silaturahim antara ahli-ahli komuniti," jelasnya ketika merasmikan Majlis Gotong-royong Muhibah Flat Desa Mawar, Jalan Thean Teik di sini baru-baru ini.

Hon Wai memberitahu, acara kali ini merupakan kempen pengasingan sisa pepejal di punca yang ke-11 dilancarkan di peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.

"Tiga acara gotong-royong telah diadakan dalam tempoh bulan Mei hingga Julai 2017, merangkumi 5 blok Flat Desa Mawar yang mempunyai 1,500 unit (kediaman) ini.

"Dalam majlis pelancaran stesen pengasingan sisa di punca hari ini, saya menaja dua stesen kitar semula (untuk amalan) pengasingan sisa di punca," jelasnya.

Selain itu, Hon Wai turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Bomba Sukarela Bukit Bendera, Bomba Sukarela Perak Lane, Bomba Sukarela Paya Terubong, Persatuan Penduduk Desa Mawar, 30 pelajar dari Sekolah Menengah Chung Ling (Persendirian) yang terlibat dalam kerja-kerja pembersihan kawasan dan mencuci longkang.

Sebelum itu, Pengerusi JKKK Thean Teik, Nyoh Lay Lan menyatakan bahawa lokasi-lokasi semua stesen pengasingan sisa di punca yang terdapat di sini, antaranya dekat Fairy Heights Blok 137 dan Blok 138, Taman Sri Timur, Kampung Shaik Eusoff, Flat Taman David Chen, Shineville Park, Desa Mawar Blok 6 dan Blok 3.





EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim bergambar kenangan bersama-sama kakitangan *Halal Penang* pada majlis sambutan rumah terbuka agensi berkaitan.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) pada Majlis Sambutan Aidilfitri Tech Dome.

# Kemeriahan Syawal...




EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng di Sambutan Rumah Terbuka Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.



KEMERIAHAN Majlis Rumah Terbuka KADUN Datuk Keramat yang diadakan di Masjid Acheh Kebun Bunga.



TIMBALAN Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy menyampaikan duit raya kepada pengunjung-pengunjung cilik majlis sambutan rumah terbuka KADUN Perai anjurannya.



KEMESRAAN Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod di Majlis Sambutan Rumah Terbuka MPSP.




GERAI Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri yang memenangi pertandingan gerai tercantik pada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



*POSE* menarik kakitangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang berjaya dirakam lensa Buletin Mutiara pada penganjuran majlis rumah terbuka terbukanya.



SAMBUTAN Rumah Terbuka *Halal Penang.*